

# PERKEMBANGAN BAHASA DAN PERUBAHAN TINGKAH LAKU SOSIAL KANAK-KANAK PRASEKOLAH

*Zamri Mahamod dan Awang Salleh Awang Wahap*

## **Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap perkembangan bahasa Melayu (BM) kanak-kanak prasekolah dan kesannya terhadap perubahan tingkah laku sosial kanak-kanak prasekolah tersebut. Kajian kes menggunakan reka bentuk gabungan eksplanatori ini dijalankan di sebuah prasekolah Annex di Sarawak. Seramai 48 orang kanak-kanak prasekolah mewakili etnik Melayu, Iban dan Bidayuh dijadikan peserta kajian. Data kuantitatif diperoleh melalui soal selidik skala kadar guru dan pemerhatian kekerapan. Sebanyak 30 item perkembangan bahasa dibina berdasarkan hasil pembelajaran dalam Kurikulum Prasekolah Kebangsaan. Pemerhatian dilakukan terhadap dua jenis tingkah laku sosial, iaitu tingkah laku prososial (konstruk membantu, berkongsi dan memujuk) dan tingkah laku antisosial (konstruk agresif, disruptif dan menyisih). Kajian mendapati kanak-kanak menunjukkan tahap kekerapan tingkah laku prososial yang lebih tinggi berbanding tingkah laku antisosial. Kajian ini menyokong prinsip-prinsip utama dalam Teori Perkembangan Vygotsky.

## **Abstract**

*The purpose of this study is to identify the level of development for preschooler's Malay language and their social behavior development, in relation to the two variables. This case study used an explanatory mixed methods design which was conducted at Annex preschool in Sarawak, involving 48 preschoolers by ethnics of Malay, Iban and Bidayuh. Quantitative data were collected using teacher rating scale survey questionnaires and frequent observation. Thirty items on language development were developed based on learning outcomes*

*in National Preschool Curriculum. Observations were carried out on two types of social behaviors which include pro-social (helping, sharing and persuasive) and anti-social (aggression, disruptive and withdrawal). Result indicates the preschoolers exhibit higher frequencies of pro-social behavior compared to anti-social. The result of this study is consistent with the earlier studies and supports the main principles of Vygotsky Developmental Theory.*

## PENDAHULUAN

Komponen bahasa dan komunikasi merupakan komponen utama dalam Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (KPK) yang dikuatkuasakan pelaksanaannya melalui Akta Pendidikan 1996 (Pindaan 2000). Ini selari dengan kepentingan bahasa yang berperanan sebagai alat interaksi dan sosialisasi dalam masyarakat, terutamanya dalam kalangan kanak-kanak. Kanak-kanak yang berumur antara dua hingga enam tahun memainkan peranan yang paling besar dalam perkembangan bahasa kanak-kanak kerana sebahagian besar daripada perkembangan bahasanya berlaku pada usia ini. Kanak-kanak mula memperoleh bahasa dalam kelompok sosialnya sejak lahir. Menurut Lindsay (1990), peringkat umur tiga hingga lima tahun merupakan tempoh perkembangan bahasa yang ketara. Beberapa kajian seperti Badruzaman (2001a, 2001b), Hornstein dan Lightfoot (1981), Rohani dan Nani Menon (2003) terhadap kumpulan umur ini mendapati kosa kata dan struktur bahasa berkembang sejak bayi hingga umur awal persekolahan (lima tahun). Menurut Lindsay (1990), pada peringkat ini, kanak-kanak akan mengalami perkembangan dari segi gaya interaksi, boleh menyatakan, menggambarkan, membincangkan, menjana idea, dan menilai tindakan mereka.

Kanak-kanak prasekolah berasal dari latar sosial, bahasa, budaya dan tahap ekonomi yang berlainan. Kepelbagaian ini memungkinkan kanak-kanak mengalami tahap perkembangan bahasa yang pelbagai, kesan daripada pengaruh lingkungan sosial masing-masing. Tahap kebolehan bahasa kanak-kanak memberi kesan kepada kebolehannya berinteraksi. Lindsay (1990) dalam kajian kesnya terhadap seorang kanak-kanak prasekolah mendapati kanak-kanak yang sangat lemah dalam bahasa pertuturan cenderung berinteraksi dengan bahan atau peralatan di sekelilingnya, berbanding dengan rakan sebayanya. Kanak-kanak berkenaan didapati kurang terlibat dalam aktiviti permainan bebas, tidak pernah memulakan perbualan dengan rakan, malah jarang menjawab

apabila ada yang ingin bercakap dengannya.

Genishi dan Fassler (1999) berpendapat mereka yang rapat dengan kanak-kanak, sama ada di rumah mahupun di tempat asuhan perlu memahami perkembangan bahasa kanak-kanak tersebut. Ini kerana pemerolehan bahasa merupakan aspek terpenting dalam perkembangan bahasa kanak-kanak. Dengan berbuat demikian, mereka yang berada di sekeliling kanak-kanak itu dapat memahami kehendak, perasaan, keinginan dan tindakan yang disampaikan oleh kanak-kanak itu secara lisan mahupun perbuatan. Apabila membincangkan tentang bahasa lisan, kanak-kanak telah mengalami suatu bentuk kurikulum yang kaya dan spontan sifatnya sejak lahir. Ini bermaksud selain memperoleh bahasa lisan, kanak-kanak banyak didedahkan dengan bahasa non-verbal yang ditunjukkan melalui tingkah laku sebagai gambaran kepada kecekapan dan ketidakcekapan bahasanya.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Bahasa merupakan alat perhubungan lisan yang penting. Menurut Roselan (2000), Teori Psikologi Vygotsky yang mengaitkan interaksi lisan dengan pemikiran, sejarah sosial, dan budaya telah melahirkan perspektif baru tentang proses pembelajaran. Vygotsky melihat pembelajaran sebagai suatu proses yang bermula daripada aktiviti sosial sebelum menjadi proses yang bersifat individu. Oleh yang demikian, kemahiran bahasa secara lisan yang diperoleh kanak-kanak dari lingkungan sosialnya dilihat sebagai amat penting untuk memungkinkan kanak-kanak prasekolah berinteraksi dengan berkesan. Kajian Lee dan Walsh (2003) terhadap kanak-kanak perempuan Korea di prasekolah mendapati bahawa bahasa merupakan faktor utama yang mempengaruhi struktur kumpulan rakan sebaya. Kajian tersebut mendapati semakin terhad kefasihan bahasa Inggeris kanak-kanak, semakin besar kemungkinan bahasa mempengaruhi hubungan rakan sebaya. Ini bermakna faktor persekitaran sosial kanak-kanak seperti di rumah, sekolah, taman asuhan, dengan rakan sebaya, masyarakat sekitarnya dan lain-lain berpotensi menentukan tahap kemahiran bahasa kanak-kanak di sekolah.

Bahasa menjadi alat dalam interaksi interpersonal kanak-kanak dan interaksi mereka dengan persekitaran. Sebagai insan yang sedang mengalami proses perkembangan yang pesat, tahap perkembangan bahasa yang ditandai keberkesanan interaksi lisan mempengaruhi jenis tingkah laku sosial kanak-kanak sebagai respons kepada persekitaran

sosial mereka. Menurut Dowling (2005), kebanyakan kanak-kanak tidak menguasai bahasa lisan dengan lancar. Cara mereka bertingkah laku adalah satu cara kanak-kanak berusaha untuk menyampaikan mesej mereka. Tahap perkembangan bahasa didapati berpotensi menyumbang kepada jenis tingkah laku kanak-kanak sebagai respons kepada persekitaran dan kegagalan interaksi. Menurut Qi dan Kaiser (2004), apabila kanak-kanak mengalami perkembangan bahasa yang lambat, mereka mungkin bermasalah dalam interaksi sosial sesama rakan sebaya yang memerlukan kemahiran komunikasi dalam aktiviti bermain dan penyelesaian masalah. Kajian Beitchman, Wilson, Johnson, Atkinson, Young dan Adlaf (2001) serta Camarata, Huhes dan Ruhl (1998) jelas menunjukkan kaitan antara kelemahan bahasa, masalah tingkah laku dan kemahiran sosial yang boleh menyebabkan kanak-kanak lambat dan lemah dalam menguasai sesuatu bahasa.

Kebanyakan kanak-kanak yang mengalami kelemahan bahasa menghadapi kesukaran untuk membina hubungan positif dengan rakan sebaya. Kesukaran ini yang dibuktikan seawal peringkat prasekolah akan kekal dan bertambah seiringan dengan perkembangan kanak-kanak (Brinton dan Fujiki, 2002; Brinton, Fujiki dan Higbee, 1998; Craig dan Washington, 1993; Fujiki, Brinton dan Todd, 1996; Paul, Looney dan Dahm, 1991). Sekiranya masalah ini tidak diberi perhatian oleh guru dan tidak ada tindakan pembetulan diambil, dikhuatiri matlamat program Pendidikan Prasekolah untuk menyediakan kanak-kanak dalam aspek-aspek perkembangan menyeluruh bagi mengikuti pendidikan formal akan terjejas. Membetulkan masalah tingkah laku sosial sahaja tidak akan banyak membantu kanak-kanak kerana tahap perkembangan bahasanya akan memberi kesan yang lebih kekal dari segi kemahiran komunikasi dan kemahiran sosial kanak-kanak tersebut.

Qi dan Kaiser (2004) mendapati wujudnya hubungan antara masalah tingkah laku dengan kelewatan bahasa. Ini mungkin disebabkan oleh rasa kecewa kanak-kanak terhadap kesukaran mereka dalam menyampaikan maksud atau berkomunikasi dengan orang lain. Jika hal ini benar, maka dapat dijangkakan bahawa variasi dan pola tingkah laku sosial kanak-kanak akan mengiringi interaksi sosial kanak-kanak yang melibatkan bahasa sebagai perantara. Kajian yang mengkaji tahap perkembangan bahasa dengan jenis tingkah laku sosial kanak-kanak prasekolah, khususnya terhadap kanak-kanak prasekolah di Malaysia masih kurang dijalankan.


Justeru, kajian ini cuba meneliti tahap perkembangan bahasa kanak-kanak dalam interaksi lisan sehari-hari dan hubungannya dengan tingkah

laku sosial yang ditunjukkan dalam proses interaksi yang terjadi. Se jauh manakah tahap perkembangan bahasa mempengaruhi keberkesanan komunikasi dan interaksi sosial kanak-kanak? Adakah tahap perkembangan bahasa mempunyai hubungannya dengan tingkah laku sosial mereka dalam aktiviti sosial sehari-hari di pusat prasekolah?

## KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konseptual kajian ini berasaskan Teori Perkembangan Vygotsky yang lebih dikenali sebagai Teori Kognitif Sosiobudaya Vygotsky atau ringkasnya Teori Vygotsky. Teori ini menerangkan interaksi sosiobudaya yang memberikan kesan kepada perkembangan kognitif kanak-kanak. Salah satu aspek perkembangan kognitif kanak-kanak ialah perkembangan bahasa yang akan membantu proses pembelajaran melalui keberkesanan interaksi dalam lingkungan sosial dan persekitaran. Menurut Vygotsky, bahasa memungkinkan berlakunya proses berfikir dalam otak manusia dan proses tersebut berlangsung dengan perantaraan bahasa. Menurut Ford (2004), Vygotsky mengutarakan tiga peringkat perkaitan bahasa dengan proses berfikir, iaitu peringkat pertuturan luaran, pertuturan peribadi dan pertuturan dalaman. Berk (1992) mendapati kanak-kanak yang aktif ketika aktiviti menyelesaikan masalah menunjukkan keputusan lebih baik berbanding kanak-kanak yang pendiam.

Bersandarkan Teori Vygotsky, kajian ini dijalankan dengan berpandukan kerangka konseptual reka bentuk kajian yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Dengan meneliti tahap perkembangan bahasa dalam kalangan



**Rajah 1** Kerangka konseptual reka bentuk kajian.

kanak-kanak prasekolah, pengkaji mencuba melihat sejauh mana terdapat hubungan bahasa dengan jenis tingkah laku sosial kanak-kanak tersebut yang ditunjukkan sebagai sebahagian daripada respons interaksinya dengan rakan dan guru. Tahap perkembangan bahasa diteliti dari aspek kemahiran mendengar (reseptif) dan bertutur (ekspresif) kerana peranannya yang penting dalam konteks interaksi interpersonal.

## **TUJUAN KAJIAN**

Oleh sebab bahasa kanak-kanak berkembang dalam persekitaran sosialnya, maka tahap perkembangan bahasa tersebut berpotensi untuk dipengaruhi latar belakang keluarga dan persekitaran sosialnya seperti teman sepermainan. Memandangkan bahasa merupakan alat komunikasi yang penting dalam membina interaksi dan hubungan sosial, tahap perkembangan bahasa kanak-kanak mungkin ada hubungan dengan jenis tingkah laku sosial mereka ketika berinteraksi dalam kalangan rakan sebaya dan orang dewasa. Justeru, tujuan kajian ini adalah untuk meneliti tahap perkembangan bahasa kanak-kanak prasekolah dan hubungannya dengan tahap tingkah laku sosial dalam kalangan kanak-kanak tersebut.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini cuba meninjau tahap perkembangan bahasa dan tingkah laku sosial kanak-kanak prasekolah, dan kecenderungan hubungan antara kedua-duanya. Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap perkembangan bahasa lisan (kemahiran mendengar dan bertutur) kanak-kanak prasekolah; mengenal pasti tahap tingkah laku sosial (prososial dan antisosial) kanak-kanak prasekolah; mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara tahap perkembangan bahasa dengan tahap tingkah laku sosial kanak-kanak prasekolah; dan mengetahui bagaimana tahap perkembangan bahasa mempengaruhi pola dan jenis tingkah laku sosial kanak-kanak.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan, maka persoalan kajian adalah untuk mengetahui apakah tahap perkembangan bahasa lisan (kemahiran mendengar dan bertutur) kanak-kanak prasekolah; apakah tahap tingkah laku sosial (prososial dan antisosial) kanak-kanak prasekolah;

adakah terdapatnya hubungan yang signifikan antara tahap perkembangan bahasa dengan tahap tingkah laku sosial kanak-kanak prasekolah; dan bagaimanakah tahap perkembangan bahasa mempengaruhi pola dan jenis tingkah laku sosial kanak-kanak?

## KANAK-KANAK PRASEKOLAH

Rohaty dan Abu Bakar (1989) mentakrifkan kanak-kanak prasekolah sebagai kanak-kanak yang berumur dalam lingkungan tiga hingga enam tahun dan tidak termasuk sebagai pelajar sekolah. KPM (2003) pula mentakrifkan kanak-kanak prasekolah sebagai kanak-kanak yang dalam lingkungan umur empat hingga enam tahun, bersesuaian dengan takrifan konsep pendidikan prasekolah KPM yang merujuk kepada suatu program yang menyediakan pengalaman pembelajaran kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun. Justeru, boleh dirumuskan bahawa kanak-kanak prasekolah merupakan kanak-kanak yang berumur antara empat hingga enam tahun dan mengikuti mana-mana program pendidikan prasekolah bagi tempoh satu hingga tiga tahun sebelum memasuki tahun satu sekolah rendah.

## TINGKAH LAKU SOSIAL

Tingkah laku sosial bermaksud tingkah laku kanak-kanak dalam konteks sosial sesama rakan dan guru dalam *setting* aktiviti pembelajaran prasekolah. Tingkah laku prososial bermaksud tingkah laku yang bersifat sukarela yang bertujuan membantu atau memberikan manfaat kepada individu atau kumpulan individu yang lain (Eisenberg, 1982; Staub, 1979). Antara sifat yang lazim tergolong dalam tingkah laku prososial ialah kesediaan membantu, berkongsi, altruisme (pemurah), suka berkawan, dan memujuk dalam interaksi sosial kanak-kanak. Hart, Fujiki, Brinton, dan Hart (2004) mengkategorikan tingkah laku prososial dan menyenangkan/disenangi sebagai kebolehan bersosial dalam kalangan kanak-kanak.

Tingkah laku antisosial bermaksud tingkah laku yang berlawanan dengan tingkah laku prososial seperti tingkah laku agresif (garang/kasar), intrusif (ceroboh/sampukan), disruptif (mengganggu), asertif (suka mendesak), dan suka mengawal orang lain, atau suka melakukan keganasan dan mencederakan orang lain (Rohani, 2001). Termasuk dalam kategori tingkah laku ini ialah *withdrawal* (pengasingan diri) (Hart *et al.*, 2004).

Untuk maksud kajian ini, tingkah laku prososial merujuk kepada tingkah laku yang ditunjukkan dalam situasi interaksi sosial yang dilakukan secara sukarela, bertujuan untuk membantu atau memberikan manfaat kepada individu atau kumpulan. Tingkah laku yang terhasil daripada arahan, suruhan atau desakan tidak termasuk dalam kategori ini. Tingkah laku antisosial pula merujuk kepada tingkah laku yang berlawanan dengan tingkah laku prososial yang mendatangkan kesusahan dan tidak digemari individu lain atau kumpulan.

## **PEMEROLEHAN DAN PERKEMBANGAN BAHASA KANAK-KANAK**

Kajian terhadap pemerolehan dan perkembangan bahasa pada peringkat awalnya tidak terlepas daripada pengaruh Teori Tingkah Laku Skinner (1957). Bagaimanapun, pandangan menyamakan manusia dengan haiwan dibantah oleh Chomsky (1959). Menurut Brewer (1995) dan Brown (2000), pada 1965 Chomsky mengemukakan konsep *language acquisition device (LAD)* yang menerangkan kebolehan semula jadi kanak-kanak memperoleh bahasa dalam persekitaran sosialnya. Malah, pandangan Teori Tingkah Laku Skinner tidak selari dengan pandangan Teori Vygotsky yang sebelumnya menganggap bahasa tidak lebih daripada sekadar tingkah laku verbal.

Bagi Vygotsky, bahasa ialah alat manusia dalam menjalani kehidupan seharian. Vygotsky berpendapat bahawa manusia amat berbeza daripada haiwan kerana manusia membina dan menggunakan alat untuk menambah keupayaan dalam penyelesaian masalah dan untuk melaksanakan kerja yang sukar dilakukan tanpanya. Manusia membina dan menggunakan alat fizikal seperti pisau dan pelbagai perkakas lain untuk mengurus alam sekitar, dan alat mental seperti kognitif dan bahasa untuk menyelesaikan pelbagai masalah (Maxim, 1997).

Puteri Roslina (1999) menyatakan bahawa proses pemerolehan bahasa bermula daripada satu tahap mental semasa kanak-kanak tidak memiliki pengetahuan tatabahasa dalam sesuatu bahasa dan semakin meningkat sesuai dengan tahap mental kanak-kanak tersebut. Menurut Brown (2000), berdasarkan Teori Skinner, perkembangan bahasa kanak-kanak ada kaitan dengan penegasan respons terhadap ujaran yang kemudiannya dilazimkan dan diulang. Teori ini memberikan penekanan kepada penegasan respons dalam proses pemerolehan dan perkembangan bahasa kanak-kanak. Menurut Tay Meng Giat (2000), sungguhpun rangsangan bahasa yang



diterima oleh kanak-kanak tidak teratur dan terhad, mereka berupaya memahami sistem linguistik bahasa pertama sebelum menjangkau usia lima tahun. Fenomena yang kelihatan menakjubkan ini berlaku dan terus berlaku dalam semua budaya pada setiap masa.

Oleh sebab bahasa diperoleh melalui interaksi sosial, proses pemerolehannya tidak disedari. Hal ini sesuai dengan definisi pemerolehan bahasa yang diberikan oleh Noor Azmira (2001) yang menyatakan pemerolehan bahasa kanak-kanak merujuk kepada penguasaan bahasa ibunda yang berlaku secara tidak disedari oleh seseorang individu yang meliputi pemerolehan fonologi, sintaksis dan semantik bahasa tersebut secara serentak dan berperingkat-peringkat mengikut urutan perkembangan seseorang itu. Menurut Zulkifley (2001), Chomsky telah menegaskan bahawa kecekapan dan ketepatan dalam penguasaan perbendaharaan kata membuktikan dengan jelas bahawa kanak-kanak sudah ada satu konsep itu sebelum mereka didedahkan kepada data bahasa. Mereka mempelajari label-label untuk berbagai-bagai konsep yang sememangnya sudah wujud dalam alat pembentukan konsep yang ada sejak lahir. Berbanding dengan ahli-ahli behavioris yang mengandaikan sistem kognitif manusia sebagai kotak kosong yang perlu diisi dengan pengetahuan bahasa melalui proses pembelajaran dan pengalaman daripada persekitaran pembelajaran formal dan tidak formal, golongan mentalis pula berpendapat bahawa telah wujud pengetahuan bahasa semula jadi dalam manusia sejak lahir.

Menurut Badruzaman (2001a), walaupun Piaget melihat aspek perkembangan kognitif berlaku/berkembang dalam diri kanak-kanak sebelum keluar ke dalam konteks sosial dan persekitaran, bahasa tetap merupakan dasar perkembangan kognitif pada kanak-kanak. Hal ini berlawanan dengan pandangan Teori Vygotsky yang percaya pemerolehan dan perkembangan bahasa kanak-kanak bermula dari persekitaran sosialnya (Azizah, 2002). Bahasa itu kemudiannya menjadi alat berfikir kanak-kanak.

Johnson (2004) menyatakan bahawa walaupun pandangan awal berpendapat kanak-kanak memperoleh bahasa secara peniruan, pengulangan dan ganjaran, kajian secara mendalam terhadap bahasa kanak-kanak mendapati kanak-kanak membina bahasanya sendiri berdasarkan interaksinya dengan persekitaran sosial. Orang dewasa cenderung menyesuaikan tahap bahasa mereka dengan bahasa kanak-kanak ketika mereka berinteraksi dan membantu perkembangan bahasa kanak-kanak secara *verbal scaffolding*. Konsep *scaffolding* dalam Teori Vygotsky menerangkan peranan orang dewasa membantu proses perkembangan

kanak-kanak untuk mencapai tahap *ZPD*.

Kajian tentang perkembangan bahasa menarik minat pengkaji daripada pelbagai bidang. Peringkat yang paling penting ialah peringkat perkembangan bahasa kanak-kanak. Kajian menunjukkan kanak-kanak dalam lingkungan usia dua hingga enam tahun mula menggunakan bahasa pada kadar yang tinggi. Kanak-kanak bukan sahaja mampu menggunakan bahasa sebagai simbol dalam peringkat yang Piaget sebut sebagai praoperasi, malah ketika berusia lima hingga enam tahun kebanyakan kanak-kanak telah menguasai peraturan asas bahasa, menjadikan proses perkembangan bahasa seterusnya berlangsung dengan lebih mudah (Johnson, 2004).

Tahap perkembangan bahasa kanak-kanak sangat dipengaruhi oleh latar budaya, persekitaran dan konteks sosial kanak-kanak. Menurut Kaiser, Hancock, Cai, Foster dan Hester (2000), kanak-kanak yang membesar dalam kemiskinan lebih cenderung mengalami masalah bahasa. Ini disokong oleh Fiorentino dan Howe (2004) yang menyatakan bahawa bahasa yang dituturkan di rumah antara kanak-kanak dengan pengasuhnya didapati menjadi petunjuk penting pencapaian di peringkat sekolah dari segi bahasa reseptif dan ekspresif, kebolehan membaca dan pencapaian matematik. Keupayaan kanak-kanak bercerita selari dengan kebolehan kognitifnya.

Watkins dan Johnson (2004) menyatakan bahawa perkembangan bahasa berlaku dengan pesatnya di peringkat prasekolah. Kanak-kanak mula menguasai kemahiran linguistik dan sistem tatabahasa. Kosa kata kanak-kanak juga bertambah dengan pesat. Dengan itu, kemahiran menggunakan bahasa dalam interaksi juga meningkat. Menurut Badruzaman (2001a), ketika berusia enam tahun kanak-kanak telah menguasai sejumlah 2000 hingga 2400 kosa kata dan berupaya membina ayat yang lebih sempurna. Kanak-kanak mampu memberikan tumpuan yang lebih lama terhadap aktiviti yang melibatkan bahasa seperti bercerita dan melapor.

Badruzaman (2001b) membahagikan perkembangan bahasa kanak-kanak kepada empat peringkat, iaitu peringkat periksa (0–6 bulan), peringkat cuba (7–12 bulan), peringkat teroka (13–18 bulan) dan peringkat pamer penggunaan bahasa (hingga umur lima tahun). Usia dua hingga enam tahun memainkan peranan yang paling besar dalam perkembangan bahasa kanak-kanak. Pandangan ini selari dengan peringkat perkembangan yang disebut dalam Teori Kognitif Piaget dan Teori Vygotsky walaupun daripada dua perspektif yang berlainan.

Justeru, peringkat prasekolah lebih berupa peluang untuk mengem-

bangkan lagi potensi bahasa kanak-kanak yang telah sedia ada. KPM (2003) dalam salah satu objektif Huraian KPK menyatakan bahawa pendidikan prasekolah membolehkan murid menggunakan bahasa Melayu dengan betul dan memperkembangkan kemahiran berbahasa untuk berkomunikasi. Pernyataan objektif KPK yang dinyatakan oleh KPM (2003) adalah selari dengan tahap perkembangan bahasa yang pesat dalam kalangan kanak-kanak berusia empat hingga enam tahun. Justeru, memang bertepatanlah langkah untuk membantu perkembangan tersebut dilakukan melalui proses pembelajaran yang sepadan dengan konsep *social scaffolding* Vygotsky.

## TINGKAH LAKU SOSIAL KANAK-KANAK

Tingkah laku sosial bermaksud tingkah laku kanak-kanak dalam konteks sosial sesama rakan dan guru di sekolah atau pusat prasekolah. Terdapat lima ciri kritikal dalam proses tingkah laku sosial, iaitu dapat berkomunikasi tentang perasaan dan keperluan yang mudah, memahami dan bertindak dengan cara yang sesuai terhadap isyarat bukan lisan yang diberikan oleh kanak-kanak lain, bersikap mudah ubah, mengambil kira perasaan kanak-kanak lain dan memiliki pandangan positif terhadap kehidupan (Gardner, 1985; Goleman, 1995 dalam Hamimah, 2004).

Tingkah laku sosial turut dikaitkan dengan perkembangan moral kanak-kanak. Perkembangan moral meliputi tingkah laku moral positif yang ditunjukkan oleh tingkah laku prososial dan tingkah laku moral negatif yang ditunjukkan oleh tingkah laku antisosial. Pemurah ialah aspek penting tingkah laku prososial sementara, salah laku juvenil menggambarkan tingkah laku antisosial (Hart, Burock, London dan Atkins, 2003; Santrock, 2004).

Selain itu, tingkah laku sosial juga ditandai oleh kecenderungan kanak-kanak bertingkah laku mengasingkan diri dan bergaul dalam lingkungan rakan sebaya. Kanak-kanak dianggap menunjukkan tingkah laku prososial jika mudah atau suka bergaul. Sebaliknya, kanak-kanak dianggap menunjukkan tingkah laku antisosial jika enggan bergaul dengan rakan sebaya. Menurut Hart *et al.* (2004), tingkah laku sosial ialah tingkah laku yang ditandai oleh dua jenis tingkah laku, iaitu *withdrawal* dan *socialibility*.

Anna Christina (2000) dan Hamimah (2004) turut membahagikan tingkah laku sosial kepada dua, iaitu tingkah laku prososial dan tingkah laku antisosial. Tingkah laku prososial ialah tingkah laku yang bersifat sukarela atau memberi kebaikan kepada individu atau kumpulan yang

dicirikan oleh sifat-sifat seperti suka membantu, berkongsi, pemurah, dan seumpamanya. Tingkah laku antisosial pula berlawanan dengan ciri-ciri tingkah laku prososial, contohnya tingkah laku asertif, disruptif, intrusif, agresif, dan seumpamanya (Rohani, 2001). Menurut Chee Siew Lan, Nor Hashimah dan Mohd Daud (2003), terdapat perkaitan yang positif antara tingkah laku altruistik yang tinggi dengan darjat popular seseorang kanak-kanak.

Oleh yang demikian, adalah jelas bahawa kanak-kanak berkeupayaan menunjukkan ciri-ciri tingkah laku sosial yang pelbagai sebagai respons kepada interaksi sosial yang berlaku. Kanak-kanak pada peringkat ini dikategorikan oleh Piaget sebagai peringkat praoperasi yang melibatkan formasi simbol dan pemikiran bersifat egosentrik. Menurut Vygotsky, kanak-kanak pada peringkat ini mengalami transisi daripada pertuturan luaran kepada pertuturan dalaman (proses pemikiran). Dengan kata lain, sebarang bentuk tingkah laku sosial yang ditunjukkan oleh kanak-kanak lahir sebagai respons yang bersifat egosentrik terhadap persekitaran dan interaksi sosialnya. Pemikiran peringkat ini belum mampu membuat pertimbangan moral dalam tingkah laku sosial yang ditunjukkan. Justeru, kanak-kanak yang menunjukkan ciri-ciri tingkah laku antisosial pada peringkat ini tidak bermaksud kanak-kanak tersebut seorang yang antisosial.

Konteks berperanan dalam menentukan tingkah laku sosial kerana konteks melibatkan interaksi sosial antara individu. Keberkesanan interaksi menentukan jenis tingkah laku yang terhasil. Maag (2004) berpendapat bahawa tingkah laku sosial tidak berlaku secara rawak atau tidak terurus. Sebaliknya, tingkah laku amat berkait rapat dengan konteks, situasi dan keadaan yang wujud dalam persekitaran pelaku. Ostrov, Gentile dan Crick (2005) meneliti kesan pendedahan media dengan tingkah laku agresif dan prososial dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Menurut Ostrov, Gentile dan Crick, tingkah laku agresif meliputi agresif fizikal, agresif hubungan dan agresif verbal.

Menurut Dowling (2005), kebanyakan kanak-kanak pada peringkat awal pembelajaran tingkah laku sosial memang memerlukan sokongan mencapai tingkah laku sosial yang positif. Ini menyokong pandangan Vygotsky tentang peranan orang dewasa dalam *scaffolding*. Dowling memetik pendapat Kelmer-Pringle yang mengkategorikan tingkah laku positif kepada dua, iaitu tingkah laku positif yang didorong dari dalam dan tingkah laku positif yang didorong dari luar. Untuk mencapai tingkah laku positif dorongan dari dalam, kanak-kanak mesti tahu tentang hukum

sebab-akibat dan niat. Menurut Piaget, hanya kanak-kanak berumur lapan tahun dan ke atas yang sedar tentang niat. Bagaimanapun, menurut Vygotsky, dengan sokongan orang dewasa, kanak-kanak dapat diberi kesedaran tentang niat sesuatu tingkah laku.

## **METODOLOGI**

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini dijalankan secara kajian kes tunggal di satu lokasi kajian yang menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Kajian kes dijadikan strategi kajian (Denscombe, 1998; Yin, 1994) yang dibataskan kepada satu kes di satu tempat yang dipilih sesuai dengan keperluan kajian. Menurut Yin (1994), kajian kes boleh berdasarkan mana-mana campuran bukti (data) kuantitatif dan kualitatif; dan tidak semestinya bergantung pada data pemerhatian yang mendalam semata-mata. Ini bermakna kajian kes boleh merangkumi atau terdiri daripada bukti kuantitatif. Justeru, kajian kes tidak harus disalah anggap sebagai kajian kualitatif kerana kajian kes juga dapat digunakan dalam kajian kuantitatif (Strauss dan Cobin, 1990; Van Maanen, 1988). Malah menurut Denscombe (1998), kajian yang dijalankan dengan strategi kajian kes membolehkan pengkaji mengumpul pelbagai data daripada pelbagai sumber dengan pelbagai kaedah.

Thomas (2003) berpendapat bahawa setiap kaedah kuantitatif atau kualitatif sesuai untuk menjawab jenis soalan kajian yang tertentu, tetapi tidak sesuai untuk menjawab soalan untuk jenis yang lain. Bagaimanapun, jawapan terbaik selalunya terhasil dengan menggabungkan kedua-duanya. Menurut Mertens dan McLaughlin (2004), reka bentuk kaedah gabungan digunakan untuk menjawab soalan kajian dalam kajian kes tunggal (*single study*). Creswell (2005) mengelaskan kaedah gabungan yang melibatkan pengumpulan data secara berturutan, iaitu pengumpulan data kuantitatif diikuti dengan data kualitatif sebagai reka bentuk kaedah gabungan eksplanatori. Menurut Creswell, dalam reka bentuk ini data kuantitatif merupakan data utama sementara data kualitatif digunakan untuk menghalusi dapatan data kuantitatif dengan mendapatkan maklumat mendalam atau lebih lanjut terhadap kes-kes ekstrem. Dengan kata lain, kaedah ini melibatkan pengumpulan data kuantitatif dan diikuti dengan pengumpulan data kualitatif untuk menerangkan secara mendalam dapatan data kuantitatif. Reka bentuk kaedah gabungan eksplanatori ini dianggap sesuai digunakan dalam kajian ini kerana pengkaji dapat memanfaatkan

dua bentuk data untuk membincangkan fenomena yang dikaji secara mendalam.

Pengkaji sosial menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif di pelbagai peringkat dalam kajian mereka, iaitu di peringkat definisi tujuan, reka bentuk keseluruhan, kaedah, persampelan, perekodan data, analisis dan interpretasi (Greene dan Caracelli, 2002). Untuk kajian ini, pengkaji menggabungkan kaedah tersebut di peringkat pengumpulan data dan perbincangan dapatan. Pengumpulan data kuantitatif melalui pemerhatian dan soal selidik skala kadar guru dilakukan terlebih dahulu. Ini diikuti oleh data temu bual sebagai sokongan.

Selain itu, kajian kes ini berupa kajian korelasi yang melibatkan pengumpulan data tentang dua atau lebih pemboleh ubah. Kajian kes merupakan pendekatan yang sesuai digunakan jika pengkaji ingin mengkaji hubungan sebab-akibat dan bukan sekadar meneroka atau menjelaskan sesuatu situasi (Yin, 1993). Menurut Gall, Gall dan Borg (2003), kajian korelasi menarik kerana memberikan peluang kepada pengkaji meneliti beberapa pemboleh ubah dan hubungan antaranya.

Ringkasnya, kajian ini dijalankan secara kajian kes yang menggunakan reka bentuk kaedah gabungan eksplanatori. Kajian yang berupa kajian korelasi ini meneliti hubungan beberapa pemboleh ubah seperti mana ditetapkan dalam soalan kajian.

### **Pemilihan Lokasi dan Peserta Kajian**

Dalam kajian kes, generalisasi kepada populasi bukanlah tujuan kajian dijalankan. Selain itu, kes-kes dalam kajian kes bukan unit sampel yang dipilih untuk tujuan generalisasi (Yin, 1994). Pemilihan kes dilakukan terhadap fenomena yang memenuhi keperluan atau tujuan kajian dijalankan. Kajian ini mengkaji satu fenomena atau kes (*single case*) di satu lokasi. Fenomena yang dikaji ialah aspek perkembangan bahasa dan hubungannya dengan tingkah laku sosial kanak-kanak prasekolah pelbagai etnik di kawasan majoriti Melayu. Lokasi kajian ialah dua kelas prasekolah Sekolah Kebangsaan Astana yang melibatkan 48 orang kanak-kanak prasekolah sebagai peserta kajian. Walaupun peserta kajian terdiri daripada dua kelas prasekolah, namun oleh sebab kedua-dua kumpulan mempunyai ciri-ciri yang sama yang diperlukan oleh kajian, kesemua 48 orang peserta dianggap sebagai satu unit analisis. Ini selari dengan salah satu ciri kajian kes yang menyatakan bahawa kajian kes biasanya dilakukan terhadap subjek dalam konteks dan *setting* semula jadi (Gall,

Gall dan Borg, 2003). Menurut Bogdan dan Biklen (1998), kajian kes dijalankan apabila pengumpulan data dan aktiviti penyelidikan hanya tertumpu kepada sesuatu tempat, subjek, topik, persoalan dan tema.

Kanak-kanak prasekolah ini dipilih sebagai peserta kajian kerana kumpulan ini merupakan satu-satunya kumpulan kanak-kanak prasekolah Annex KPM yang terdiri daripada etnik selain etnik Melayu dalam penempatan majoriti Melayu di kawasan Petra Jaya, Sarawak. Ini bertepatan dengan tujuan kajian ini dijalankan, iaitu meneliti tahap perkembangan bahasa yang ada kaitannya dengan latar belakang sosial dan hubungannya dengan tahap tingkah laku sosial kanak-kanak prasekolah. Kes yang dipilih untuk kajian ini berguna untuk menguji prinsip-prinsip utama Teori Perkembangan Vygotsky.

Tidak ada kanak-kanak etnik Cina di prasekolah ini kerana kebiasaannya mereka mengikuti program prasekolah swasta atau di sekolah jenis kebangsaan Cina di luar kawasan Petra Jaya. Walaupun terdapat dua orang kanak-kanak mempunyai darah campuran Cina dan Bidayuh, pengkaji merangkumkan mereka sebagai beretnik Bidayuh berdasarkan etnik bapa kanak-kanak tersebut. Kanak-kanak ini tinggal di kawasan penempatan majoriti Melayu, khususnya di sekitar Siol Kandis dan Taman Perumahan Surabaya Indah dan mengikuti program prasekolah di Sekolah Kebangsaan Astana.

Selain itu, pertimbangan dalam pemilihan lokasi kajian turut mengambil kira unsur *accessibility* dan *permissiveness* pada pengkaji (Marshall dan Rossman, 1995) kerana mudah mendapat kebenaran, peserta kajian, sokongan dan aspek pengurusan kewangan. Pemilihan dilakukan terhadap prasekolah berdekatan tempat tinggal pengkaji bagi memudahkan pengkaji menjalankan penyelidikan dan mengelak sebarang masalah luar jangka yang boleh menjejaskan penyelidikan. Pengkaji telah mendapat kerjasama Pejabat Pelajaran Gabungan Kuching untuk menentukan guru prasekolah yang dipilih sebagai lokasi kajian ialah guru opsyen Pendidikan Prasekolah yang telah berkhidmat sekurang-kurang genap satu tahun, sihat dan tidak ada kemungkinan untuk menghadiri kursus sepanjang tempoh kajian berlangsung.

### **Alat Kajian**

Kajian ini menggunakan dua prosedur pengumpulan data secara berasingan. Data tahap perkembangan bahasa diperoleh melalui soal selidik skala kadar guru. Ini dilakukan kerana guru dianggap sumber maklumat

perkembangan kanak-kanak prasekolah di bawah pengurusannya. Data tingkah laku sosial diperoleh melalui pemerhatian langsung secara sistematik (*systematic direct observation*). Pemerhatian langsung secara sistematik merujuk kepada pencerapan tingkah laku yang ditunjukkan secara ketara sebagai respons kepada situasi persekitaran yang ditentukan (Salvia dan Ysseldyke 2004).

Dua alat kajian yang setiap satu mengukur pemboleh ubah tahap perkembangan bahasa dan tingkah laku sosial peserta digunakan dalam kajian ini. Tahap perkembangan bahasa akan diukur menggunakan borang soal selidik berupa skala kadar guru. Borang soal selidik yang dikenali sebagai Skala Kadar Tahap Perkembangan Bahasa Lisan Kanak-kanak Prasekolah (SKTPBLK) telah dibina oleh pengkaji dan ditadbirkan oleh guru. Pemboleh ubah tingkah laku sosial direkodkan dalam borang pemerhatian yang dikenal sebagai Rekod Pemerhatian Secara Interval Masa Menggunakan Sistem Koding (Zirpoli, 2005) yang diubahsuai mengikut keperluan kajian.

### **Pembinaan Alat Kajian SKTPBLK**

SKTPBLK yang menggunakan Skala Likert (1–5) ini mengandungi 30 item yang dibina berdasarkan senarai hasil pembelajaran (HP) bagi Kemahiran Mendengar (KD) dan Kemahiran Bertutur (KT) dalam Huraian Kurikulum Prasekolah Kebangsaan KPM (Huraian KPK). Hasil Pembelajaran dalam Huraian KPK yang dirujuk untuk membina alat SKTPBLK ini ialah HP 1.1.1 hingga HP 2.4.1. Beberapa item ditambah dan diubahsuai dari segi pernyataannya mengikut keperluan kajian. Skala kadar ini terbahagi kepada dua bahagian seperti yang berikut:

Bahagian A : Maklumat kanak-kanak

Bahagian B : Tahap perkembangan bahasa lisan terdiri daripada dua bahagian, iaitu kemahiran mendengar yang mengandungi 14 item (1–14); dan kemahiran bertutur yang mengandungi 16 item (15–30).

Item-item di atas dipilih dan digunakan dalam kajian kerana penggunaannya yang meluas dan mantap dalam kalangan guru prasekolah. HP yang disenaraikan dalam Huraian KPK ialah objektif pembelajaran yang telah dibina oleh pakar dalam bidang kurikulum dan pendidikan awal kanak-kanak bertujuan untuk menilai tahap perkembangan kanak-



kanak dalam komponen bahasa dan komunikasi. Selain itu, pengkaji turut merujuk pakar pendidikan prasekolah yang biasa menjalankan kajian terhadap pendidikan awal kanak-kanak tentang kesesuaian penggunaan senarai HP berkenaan sebagai item kajian ini. Item-item tersebut telah diuji dan ditetapkan sebagai piawai pengukuran tahap perkembangan kanak-kanak prasekolah dalam komponen bahasa dan komunikasi. Dengan kata lain, kesahan dan kebolehpercayaan item-item telah diuji dan dianggap mantap memandangkan HP dalam Huraian KPK ialah indikator utama yang digunakan oleh guru untuk menilai perkembangan bahasa kanak-kanak.

### **Pembinaan Rekod Pemerhatian Tingkah Laku Sosial**

Pemerhatian aspek tingkah laku sosial peserta kajian direkodkan menggunakan Rekod Pemerhatian Secara Interval Masa Menggunakan Sistem Koding (RPSIMMSK) yang dibina berdasarkan Sistem Koding Zirpoli (2005) yang diubahsuai mengikut keperluan kajian. Rekod pemerhatian ini ialah versi akhir daripada dua alat kajian awal yang telah dicuba dalam dua kajian rintis yang dijalankan. Menurut Gall, Gall dan Borg (2003), sekiranya prosedur perekodan yang sesuai dengan kajian telah ditemui, pengkaji boleh membina sendiri borang perekodan (senarai semak pemerhatian) kerana agak mudah membina dan memasukkan pelbagai pemboleh ubah pemerhatian. Pengkaji telah mengadakan beberapa perbincangan dengan penyelia untuk menentukan kesahan rekod pemerhatian berkenaan, terutama dari aspek konstruk, bilangan dan tempoh interval, format dan tatacara perekodan dilakukan. Proses pembinaan alat kajian ini telah melalui beberapa pindaan dari segi format dan kandungan untuk menentukan ia menepati keperluan kajian dan mudah digunakan.

Pemilihan konstruk dilakukan dengan berhati-hati dan dihadkan kepada enam jenis tingkah laku yang mudah dicerap ketika aktiviti kumpulan berlangsung dalam kelas prasekolah. Tingkah laku sosial yang dipilih ini biasa ditunjukkan oleh kanak-kanak dalam persekitaran bilik darjah, bersifat nyata dan mudah dicerap. Gall, Gall dan Borg (2003) mengkatégorikannya sebagai *descriptive observational variables* dan umumnya pemboleh ubah jenis ini dapat menghasilkan data yang boleh dipercayai. Konstruk-konstruk yang dipilih berdasarkan definisi dan pengelasan tingkah laku sosial yang dikaji dalam tinjauan kepustakaan (Anna Christina, 2000; Beaty, 1990; Fujiki *et al.*, 1999; Hamimah, 2004; Hart *et al.*, 2004).

RPSIMMSK yang digunakan mengandungi 20 interval untuk satu sesi pemerhatian selama lima minit. Tempoh satu interval ditetapkan selama 15 saat untuk mengelak hadir lebih daripada satu tingkah laku secara serentak. Jika berlaku sekalipun, hanya kehadiran tingkah laku yang paling menonjol atau ketara direkodkan. Rekod pemerhatian ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu:

Bahagian A : Tingkah laku prososial yang terdiri daripada tingkah laku:

- i. membantu
- ii. berkongsi
- iii. memujuk/ menenteramkan

Bahagian B : Tingkah laku antisosial yang terdiri daripada tingkah laku:

- i. agresif
- ii. disruptif
- iii. pengasingan diri

Rekod pemerhatian berdasarkan Sistem Koding Zirpoli dianggap paling sesuai untuk digunakan bagi merekodkan pemerhatian tingkah laku dalam aktiviti kumpulan apabila beberapa tingkah laku ingin dicerap dalam satu waktu tidak lebih daripada tiga peserta (Zirpoli, 2005). Dengan menggunakan alat ini, pengkaji berpeluang mencerap tiga jenis tingkah laku prososial dalam tempoh lima minit (20 interval 15 saat) terhadap sekumpulan tiga peserta secara serentak. Proses yang sama berlaku untuk tiga tingkah laku antisosial dalam tempoh lima minit yang berasingan. Dengan itu, pemerhatian dapat dilakukan dengan kadar kekerapan yang tinggi untuk mengumpul sebanyak mungkin data yang berkaitan. Selain itu, pengkaji turut menggunakan Protokol Temu Bual separa berstruktur (*semi-structured interview*) untuk menjalankan temu bual terhadap beberapa orang peserta terpilih berdasarkan skor tahap perkembangan bahasa. Soalan-soalan temu bual dibina untuk mendapat gambaran lebih jelas tentang faktor-faktor yang memberikan kesan kepada tahap perkembangan bahasa dan mengesan kemahiran bahasa (reseptif dan ekspresif) kanak-kanak.

### **Kajian Rintis**

Menurut Mohd. Majid (2005), kesahan sesuatu alat pengukuran merujuk

kepada sejauh mana alat itu mengukur data yang sepatutnya diukur. Kebolehpercayaan pula merujuk kepada ketekalan dan kestabilan dalaman sesuatu alat mengukur sesuatu pemboleh ubah. Justeru, pengkaji telah menjalankan satu ujian rintis terhadap alat kajian untuk menilai tahap kesahan dan kebolehpercayaannya.

Kajian rintis menggunakan alat kajian SKTPBLK dan RPSIMMSK telah dijalankan terhadap sekumpulan kanak-kanak prasekolah yang memiliki ciri yang sama dengan peserta kajian. Sebanyak 25 orang kanak-kanak sebuah prasekolah Annex yang memiliki ciri-ciri yang hampir sama dengan peserta kajian telah dilibatkan dalam kajian rintis menggunakan alat kajian SKTPBLK pada minggu kedua bulan April 2006. Guru prasekolah berkenaan telah dibimbing cara melengkapkan soal selidik dan diberi masa seminggu untuk mentadbir alat berkenaan kerana kebanyakan maklumat demografi kanak-kanak memang sedia ada dalam simpanan guru. Tambahan pula guru sememangnya sentiasa memantau perkembangan kanak-kanak prasekolahnya dan menyelenggarakan rekod perkembangan bagi membolehkannya menilai tahap perkembangan bahasa mereka.

Kajian rintis pemerhatian tingkah laku sosial turut dilakukan menggunakan rekod pemerhatian. Dua pemerhati digunakan untuk melakukan pemerhatian bagi mencerap tingkah laku sosial kanak-kanak menggunakan alat perekodan RPSIMMSK yang dikemas kini. Ini dilakukan untuk menguji tahap kebolehpercayaan *interater* pemerhatian untuk melihat sejauh mana wujud keselarasan dalam pemerhatian tingkah laku. Selain itu, kajian rintis menggunakan rekod pemerhatian ini dianggap sebagai latihan kepada pemerhati yang akan menggunakan alatnya dalam sesi pemerhatian sepanjang kajian berlangsung. Menurut Zirpoli (2005), terdapat dua jenis kebolehpercayaan yang perlu diberi perhatian apabila menggunakan rekod pemerhatian interval. Jenis pertama ialah kebolehpercayaan kekerapan yang membandingkan kekerapan tingkah laku yang dicerap kedua-dua pemerhati dan mendapatkan peratus kebolehpercayaan kekerapan. Ini ditunjukkan dengan formula yang berikut:

$$\text{Kebolehpercayaan} = \frac{\text{Kekerapan (Pemerhati 1)}}{\text{Kekerapan (Pemerhati 2)}} \times 100$$

Jenis kedua ialah kebolehpercayaan persetujuan yang melihat sejauh mana kedua-dua pemerhati menandakan kehadiran atau ketidakhadiran sesuatu tingkah laku dalam ruang interval yang sama. Kebolehpercayaan

persetujuan adalah lebih penting kerana ukuran ini menggambarkan kebolehpercayaan *interater* yang lebih tepat. Semakin tinggi peratus kebolehpercayaan persetujuan, maka semakin tinggi kebolehpercayaan *interater*. Ini ditunjukkan formula berikut:

$$\text{Kebolehpercayaan Interater} = \frac{\text{Bilangan persetujuan}}{\text{Persetujuan sepatutnya (Jumlah interval)}} \times 100$$

Contoh mengira bilangan persetujuan cerapan antara dua pemerhati dalam satu pemerhatian terhadap tingkah laku prososial ditunjukkan seperti yang berikut:

Pemerhati 1:

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20
-	-	<i>p</i>	<i>b</i>	<i>b</i>	-	<i>k</i>	<i>k</i>	-	-	<i>p</i>	<i>k</i>	<i>k</i>	<i>b</i>	-	-	-	<i>k</i>	<i>k</i>	-

Pemerhati 2:

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20
-	<i>b</i>	<i>k</i>	-	<i>b</i>	-	<i>k</i>	<i>k</i>	-	-	<i>p</i>	<i>k</i>	<i>k</i>	<i>k</i>	-	-	-	<i>k</i>	-	-

Persetujuan:

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20

Persetujuan antara kedua-dua pemerhati dalam contoh di atas ialah 15/20. Ini bermakna kebolehpercayaan *interater* ialah 75%. Jackson (2003) menganggap kebolehpercayaan *interater* 40% sebagai rendah. Justeru, untuk mendapat kebolehpercayaan *interater* yang tinggi, peratus persetujuan hendaklah melebihi 40%. Ini bermakna kebolehpercayaan *interater* rekod pemerhatian RPSIMMSK adalah tinggi dan boleh diterima pakai untuk kajian ini. Masalah yang ditemui ketika menjalankan kajian rintis telah diambil kira dalam usaha menambah baik alat kajian dan kaedah pentadbiran alat tersebut ketika menjalankan kajian sebenar. Alat pemerhatian yang asalnya menggunakan tempoh 30 saat bagi setiap interval telah dipendekkan kepada 15 saat kerana adanya kecenderungan lebih daripada satu tingkah laku ditunjukkan oleh peserta kajian jika tempoh 30 saat digunakan. Helaian pemerhatian bagi kedua-dua tingkah laku sosial

yang dicerap telah diperkemas bagi memudahkan penggunaannya oleh pemerhati.

### **Tatacara Pemerolehan Data**

Kajian ini dilakukan di bilik prasekolah Sekolah Kebangsaan Astana, Petra Jaya, Sarawak. Oleh sebab kajian ini melibatkan pihak sekolah dan kanak-kanak prasekolah yang berada dalam bidang kuasa KPM, pengkaji telah membuat permohonan untuk menjalankan penyelidikan di sekolah daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), KPM. Setelah itu, pengkaji memohon surat kebenaran daripada Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak bagi membolehkan pengkaji menjalankan kajian di prasekolah yang dimaksudkan, seterusnya untuk mendapat kerjasama yang diperlukan daripada pihak sekolah dan guru prasekolah berkenaan. Memandangkan kajian melibatkan pemerhatian intensif terhadap kanak-kanak, pengkaji telah mendapatkan kebenaran ibu bapa melalui guru prasekolah. Sebelum proses pemerolehan data bermula, pengkaji telah berbincang dengan kedua-dua guru prasekolah berkenaan (sidang pagi dan sidang petang) untuk memastikan tidak ada gangguan aktiviti atau cuti panjang ketika kajian berlangsung. Jadual pengajaran dan pembelajaran prasekolah telah diperoleh untuk menentukan masa/slot aktiviti kumpulan dijalankan. Ini penting kerana pemerhatian untuk mencecerap tingkah laku sosial peserta hanya dijalankan sepanjang tempoh aktiviti kumpulan berlangsung selama lebih kurang 60 minit.

Pengkaji telah memberikan taklimat lengkap kepada guru tentang peranan mereka dalam kajian ini serta tatacara menggunakan alat SKTPBLK. Senarai nama peserta mengikut kumpulan juga diperoleh daripada guru untuk menetapkan jadual pemerhatian. Peserta telah sedia terbahagi kepada empat kumpulan bagi setiap kelas untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Ini sesuai dengan perancangan jadual pemerhatian yang dibina oleh pengkaji. Guru diminta melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran seperti biasa tanpa sebarang usaha ubahsuai yang boleh menjejaskan latar dan iklim semula jadi di bilik darjah prasekolah. Guru membuat penilaian tahap perkembangan bahasa lisan terhadap peserta menggunakan borang soal selidik skala kadar SKTPBLK. Guru dikehendaki melengkapkan borang soal selidik skala kadar SKTPBLK berdasarkan penilaian berterusan guru terhadap tahap perkembangan bahasa peserta. Penilaian guru digunakan kerana guru merupakan orang yang paling rapat dengan peserta di bilik darjah

sepanjang tempoh pengajaran dan pembelajaran, sentiasa memantau perkembangan mereka serta diyakini berkebolehan memberikan penilaian yang tepat terhadap peserta.

Tatacara pemerolehan data tingkah laku sosial melibatkan pemerhatian langsung oleh dua orang pemerhati yang telah dilantik dan dilatih oleh pengkaji. Ini dilakukan untuk mengelak bias jika pengkaji sendiri menjalankan pemerhatian. Pemerhati telah didedahkan dengan tatacara dan penggunaan alat RPSIMMSK melalui ujian rintis yang telah dijalankan di sebuah prasekolah Annex yang lain. Selain itu, taklimat dan penerangan secara terperinci tentang maksud dan jenis tingkah laku yang dicerap serta tatacara pemerhatian dan perekodan telah diadakan sebelum kajian rintis dan kajian sebenar dijalankan. Ini penting untuk meminimumkan bias dan kesan pemerhati dalam proses pengumpulan data.

Menurut Gall, Gall dan Borg (2003), kehadiran pemerhati boleh memberi kesan terhadap peserta yang diperhatikan. Jika tidak dikawal, ini boleh menjejaskan tahap kesahan dan kebolehpercayaan data yang diperoleh sepanjang tempoh pemerhatian. Untuk meminimumkan kesan kehadiran pemerhati terhadap peserta, pengkaji bersama pemerhati telah meminta kebenaran Guru Besar dan guru prasekolah untuk hadir dalam kelas prasekolah berkenaan setiap hari selama seminggu sebelum proses pemerhatian sebenar dijalankan. Tujuannya adalah untuk membiasakan peserta dengan kehadiran pengkaji bersama pemerhati supaya kehadiran ketika pemerhatian dijalankan tidak mempengaruhi tingkah laku peserta dalam latar pembelajaran yang dilaksanakan. Pengkaji mendapati kumpulan peserta kajian ini langsung tidak berasa terganggu oleh kehadiran pengkaji bersama pemerhati. Perhatian beberapa orang daripada mereka hanya terpesong kepada kehadiran pengkaji bersama pemerhati pada hari pertama sahaja. Keadaan ini ternyata amat membantu kelancaran proses pengumpulan data tanpa menjejaskan suasana pembelajaran yang berlangsung.

Pemerhati menjalankan pemerhatian terhadap peserta untuk mencerap aspek tingkah laku sosial dalam latar aktiviti kumpulan di bilik prasekolah. Pemerhatian dijalankan secara serentak terhadap tiga peserta dalam tempoh lima minit yang terbahagi kepada 20 interval (15 saat setiap interval) bagi tingkah laku prososial dan lima minit lagi untuk tingkah laku antisosial dengan jumlah dan tempoh interval yang sama. Pemerhatian dijalankan oleh dua orang pemerhati yang telah dilantik dan dilatih oleh pengkaji sendiri. Setiap peserta diperhatikan sebanyak empat kali dalam sehari, iaitu dua kali pemerhatian tingkah laku prososial dan dua kali tingkah

laku antisosial. Ini bererti satu kumpulan enam orang peserta dalam dua subkumpulan (tiga orang setiap subkumpulan) diperhatikan setiap hari. Peserta yang diperhatikan ditandai dengan pemakaian tag berwarna (kuning, merah, biru, hijau, coklat dan hitam). Jumlah dan kaedah yang sama digunakan untuk prasekolah Sidang Petang.

Keseluruhan proses pemerolehan data telah berlangsung selama enam minggu. Pemerhatian hanya dijalankan pada hari Isnin hingga Khamis setiap minggu. Hari Jumaat digunakan untuk menyelaraskan data secara mingguan atau menjalankan pemerhatian gantian terhadap peserta yang tidak hadir pada hari sepatutnya dia diperhatikan. Selain itu, hari Jumaat digunakan untuk pengkaji mengadakan perbincangan dan penerangan secara berterusan tentang alat dan tatacara pemerhatian dengan pemerhati untuk mengelak lencongan dan kerosakan kebolehpercayaan memandangkan pengumpulan data pemerhatian berlangsung selama enam minggu.

**Jadual 1** Jadual tatacara pemerhatian harian.

<b>TARIKH :</b>			
<b>Bil.</b>	<b>Masa Pemerhatian *</b>	<b>Tingkah Laku Prososial</b>	<b>Tingkah Laku Antisosial</b>
1.	0820 – 0825	Kumpulan A (3 orang)	
2.	0825 – 0830	Kumpulan B (3 orang)	
3.	0830 – 0835		Kumpulan A (3 orang)
4.	0835 – 0840		Kumpulan B (3 orang)
5.	0845 – 0850	Kumpulan A (3 orang)	
6.	0850 – 0855	Kumpulan B (3 orang)	
7.	0855 – 0900		Kumpulan A (3 orang)
8.	0900 – 0905		Kumpulan B (3 orang)

*\* Bergantung pada pelaksanaan slot pengajaran guru yang sebenar. Jadual yang serupa digunakan untuk prasekolah Sidang Petang dengan mengubahsuai masa.*

Setiap peserta berpeluang untuk diperhatikan sebanyak 12 kali (240 interval) bagi tingkah laku prososial dan sebanyak 12 kali (240 interval) bagi tingkah laku antisosial sepanjang tempoh kajian yang berlangsung selama enam minggu. Peserta temu bual dipilih berdasarkan skor tahap perkembangan bahasa. Temu bual dilakukan terhadap empat orang peserta

yang menunjukkan skor ekstrem dalam aspek perkembangan bahasa. Dua peserta kajian yang mempunyai skor tertinggi dan dua peserta yang mempunyai skor terendah dikenal pasti dan ditemu bual selang seminggu selepas pengumpulan data kuantitatif berakhir. Peserta ditemu bual secara bergilir di bilik rehat prasekolah berpandukan Protokol Temu bual yang telah dibina. Perakam MP3 digunakan untuk memudahkan pengkaji membuat transkripsi data temu bual. Jadual tatacara pemerhatian harian ditunjukkan dalam Jadual 1.

Data temu bual yang telah ditranskripsikan dibaca semula kepada peserta dua hari kemudian untuk tujuan semakan dan pengesahan fakta. Guru prasekolah turut dirujuk untuk mengesahkan maklumat yang diberikan oleh sampel terbabit. Tujuan pengkaji menjalankan temu bual adalah untuk mendapatkan butiran terperinci faktor-faktor yang dijangka mempengaruhi tahap perkembangan bahasa yang ditunjukkan. Dapatan temu bual hanyalah sebagai data sokongan kepada data kuantitatif yang telah diperoleh melalui borang soal selidik skala kadar guru.

### **Tatacara Penganalisan Data**

Alat kajian ini mengumpul data yang menggunakan skala pengukuran sela (*interval*). Data kajian dianalisis menggunakan perisian komputer "*Statistical Package for The Social Science*" (SPSS 12). Perkara pertama dilakukan sebelum data dianalisis ialah mencatat nombor siri pada halaman pertama semua alat SKTPBLK bagi mewakili setiap peserta kajian untuk melicinkan proses memasukkan data ke dalam komputer. Langkah ini penting untuk mengenal pasti dan membuat pembetulan terhadap data yang tersilap masuk. Langkah kedua ialah pembersihan data untuk menentukan tidak berlaku kesilapan semasa data dimasukkan. Tatacara analisis data borang soal selidik skala kadar guru untuk tahap perkembangan bahasa disesuaikan dengan keperluan untuk menjawab soalan dan menguji hipotesis kajian seperti mana dirumuskan dalam Jadual Penentuan Instrumen.

Bagi data pemerhatian, hanya data persetujuan dua pemerhati (*observer agreement*) diambil kira untuk menandakan kekerapan tingkah laku yang dicerap. Sebaik sahaja proses pemerolehan data selesai, data disemak dan diselaraskan. Rekod pemerhatian dalam bentuk kekerapan tingkah laku sosial yang dicerap bagi setiap peserta bagi keseluruhan enam minggu disatukan, diselaraskan, dan dipiawaikan menjadi skor (peratus) berdasarkan jumlah interval. Data yang telah disemak dan diselaraskan,



seterusnya dikod dan dimasukkan ke dalam komputer untuk penganalisisan menggunakan perisian “*Statistical Package for The Social Science*” (SPSS 12). Data dianalisis menggunakan analisis statistik deskriptif dan statistik inferensi bersesuaian dengan tujuan untuk menjawab soalan kajian serta menguji hipotesis kajian. Data temu bual digunakan sebagai data sokongan untuk menerangkan secara mendalam aspek yang dikaji.

## DAPATAN KAJIAN

### Profil Peserta Kajian

Pengkaji telah memilih 48 orang kanak-kanak prasekolah Annex Sekolah Kebangsaan Astana sebagai peserta kajian. Sekolah Kebangsaan Astana ialah sebuah sekolah rendah di kawasan Petra Jaya, Sarawak yang telah terlibat dalam perluasan program prasekolah Annex. Ini bermakna sekolah ini mempunyai dua kelas prasekolah Annex yang dikendalikan oleh dua orang guru opsyen prasekolah yang masing-masing berpengalaman mengajar prasekolah selama sembilan tahun dan dua tahun. Untuk kajian ini kesemua peserta dianggap sebagai satu unit analisis kerana mempunyai ciri-ciri yang sama. Profil lengkap peserta kajian ini adalah seperti dalam Jadual 2.

**Jadual 2** Profil peserta kajian.

Demografi	Peserta	N	%
Saiz/ Bilangan ahli keluarga	≤ 4 orang (kecil)	12	25
	4 – 8 orang (sederhana)	31	64.6
	9 – 12 orang (besar)	5	10.4
Jantina	Lelaki	26	54.2
	Perempuan	22	45.8
Etnik	Melayu	23	47.9
	Iban	14	29.2
	Bidayuh	11	22.9
Tempat tinggal	Rumah Kerajaan/Berek	5	10.4
	Taman Perumahan	12	25.0
	Kampung Tradisi	6	12.5
	Setinggalan	25	52.1

*sambungan Jadual 2*

<b>Demografi</b>	<b>Peserta</b>	<b>N</b>	<b>%</b>
Pendidikan bapa	Tiada	2	4.2
	Sekolah rendah	15	31.3
	PMR/SRP	22	45.8
	SPM	9	18.7
Pendidikan ibu	Tiada	8	16.7
	Sekolah rendah	12	25.0
	PMR/SRP	20	41.6
	SPM	8	16.7
Pekerjaan bapa	Sektor awam	4	8.3
	Sektor swasta	11	22.9
	Sendiri	5	10.4
	Buruh	25	52.1
	Lain-lain	3	6.3
Pekerjaan ibu	Sektor awam	1	2.1
	Sektor swasta	2	4.2
	Sendiri	4	8.3
	Lain-lain (Suri rumah)	41	85.4
Pendapatan keluarga	≤ RM500	36	75.0
	RM501 – RM1000	11	22.9
	≥ RM1001	1	2.1
Penyakit serius	Berpenyakit	0	0
	Tiada penyakit	48	100.00

Peserta kajian ( $n = 48$ ) terdiri daripada 26 orang (54.2%) lelaki dan 22 orang (45.8%) perempuan. Sebanyak 12 orang (25%) mempunyai saiz keluarga yang kecil, 31 orang (64.6%) mempunyai saiz keluarga sederhana dan lima orang (10.4%) mempunyai saiz keluarga yang besar. Dari segi etnik, 23 orang (47.9%) peserta adalah Melayu, sementara 14 orang (29.2%) etnik Iban dan 11 orang (22.9%) etnik Bidayuh atau percampuran antara kedua-duanya. Lebih separuh peserta tinggal di kawasan setinggan, iaitu sebanyak 25 orang (52.1%), sementara 12 orang (25%) tinggal di taman perumahan, enam orang (12.5%) tinggal di kampung tradisi dan lima orang (10.4%) tinggal di rumah kerajaan/berek.

Dari segi taraf pendidikan ibu bapa, majoriti peserta, iaitu 22 orang (45.8%) mempunyai bapa yang berpendidikan setakat PMR/SRP, 15

orang (31.3%) berpendidikan sekolah rendah, sembilan orang (18.7%) berpendidikan setakat SPM dan dua orang (4.2%) tiada berpendidikan formal. Sebanyak 20 orang (41.6%) peserta mempunyai ibu yang berpendidikan setakat PMR/SRP, 12 orang (25%) berpendidikan setakat sekolah rendah, lapan orang (16.7%) berpendidikan setakat SPM, dan lapan orang (16.7%) tidak berpendidikan formal.

Dari segi pekerjaan ibu bapa, majoriti peserta, iaitu sebanyak 25 orang (52.1%) mempunyai bapa yang bekerja sebagai buruh, 11 (22.9%) bekerja di sektor swasta, lima orang (10.4%) bekerja sendiri, empat orang (8.3%) bekerja di sektor awam dan tiga orang (6.3%) lain-lain atau tidak ada pekerjaan tetap. Sebanyak 41 orang (85.4%) peserta mempunyai ibu yang tidak bekerja, empat orang (8.3%) ibu yang bekerja sendiri, dua orang (4.2%) bekerja di sektor swasta dan hanya seorang (2.1%) bekerja di sektor awam.

Sebanyak 36 orang (75%) peserta adalah daripada keluarga yang berpendapatan RM500.00 atau kurang, sementara 11 orang (22.9%) daripada keluarga berpendapatan antara RM501.00 hingga RM1,000.00 dan hanya seorang (2.1%) daripada keluarga yang berpendapatan RM1,001.00 atau lebih. Kesemua 48 orang (100%) peserta adalah bebas daripada sebarang penyakit serius yang boleh menjejaskan proses perkembangan dan pembelajaran.

### Tahap Perkembangan Bahasa Kanak-kanak Prasekolah

Tahap perkembangan bahasa kanak-kanak prasekolah diterangkan berdasarkan interpretasi tahap min (ITSM). Walaupun kanak-kanak secara umumnya lebih menguasai kemahiran lisan berbanding tulisan, terdapat perbezaan dari segi tahap aspek kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur. Berdasarkan analisis yang dilakukan, tahap perkembangan bahasa peserta kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3 hingga Jadual 10.

Jadual 3 Tahap perkembangan bahasa kanak-kanak prasekolah.

Konstruk	n	min	sp	Interpretasi skor min
Kemahiran mendengar	48	3.7827	0.57784	Tinggi
Kemahiran bertutur	48	3.3385	0.66430	Sederhana
Bahasa (keseluruhan)	48	3.5458	0.59928	Tinggi

PERKEMBANGAN BAHASA DAN PERUBAHAN TINGKAH LAKU SOSIAL

Jadual 3 menunjukkan tahap perkembangan bahasa bagi semua peserta ( $n = 48$ ). Skor tahap perkembangan bahasa bagi aspek kemahiran mendengar (KD) menunjukkan tahap yang tinggi ( $\text{min} = 3.7827$ ,  $\text{sp} = 0.57784$ ), sementara skor aspek kemahiran bertutur (KT) menunjukkan tahap sederhana ( $\text{min} = 3.3385$ ,  $\text{sp} = 0.66430$ ). Skor min tahap perkembangan bahasa secara keseluruhan ialah 3.5458 dengan sisihan piawai 0.5458. Menurut ITSM, tahap perkembangan bahasa secara keseluruhan adalah tinggi. Analisis ini juga memberi gambaran bahawa peserta lebih menguasai KD berbanding KT.

**Jadual 4** Tahap perkembangan bahasa kanak-kanak prasekolah etnik Melayu.

Konstruk	n	min	sp	Interpretasi skor min
Kemahiran mendengar	23	4.0497	0.63466	Tinggi
Kemahiran bertutur	23	3.6630	0.56084	Tinggi
Bahasa (keseluruhan)	23	3.8435	0.58166	Tinggi

Jadual 4 menerangkan tahap perkembangan bahasa peserta etnik Melayu ( $n = 23$ ). Skor tahap perkembangan bahasa KD ialah  $\text{min} = 4.0497$ ,  $\text{sp} = 0.63466$ , sementara skor KT ialah  $\text{min} = 3.6630$ ,  $\text{sp} = 0.56084$ . Skor tahap perkembangan bahasa secara keseluruhan bagi peserta etnik Melayu ialah  $\text{min} = 3.8435$ ,  $\text{sp} = 0.58166$ . Berdasarkan ITSM, tahap perkembangan bagi ketiga-tiga aspek di atas adalah tinggi. Walau bagaimanapun, skor min menunjukkan bahawa peserta lebih menguasai KD berbanding KT.

**Jadual 5** Tahap perkembangan bahasa kanak-kanak prasekolah etnik Iban.

Konstruk	n	min	sp	Interpretasi skor min
Kemahiran mendengar	14	3.5612	0.23749	Tinggi
Kemahiran bertutur	14	3.0938	0.64289	Sederhana
Bahasa (keseluruhan)	14	3.3119	0.44541	Sederhana

Jadual 5 menerangkan skor min tahap perkembangan bahasa peserta etnik Iban ( $n = 14$ ). Skor tahap perkembangan bahasa KD ialah  $\text{min} = 3.5612$ ,  $\text{sp} = 0.23749$ . Mengikut ITSM, tahap perkembangan bahasa KD

peserta adalah tinggi. Skor KT ialah min = 3.0938,  $sp = 0.64289$  dan berada pada tahap sederhana mengikut ITSM. Skor perkembangan bahasa secara keseluruhan bagi peserta etnik Iban ialah min = 3.3119,  $sp = 0.44541$ . Berdasarkan ITSM, tahap perkembangan bahasa secara keseluruhan bagi peserta etnik Iban adalah sederhana. Hal ini berlaku kerana pengaruh tahap KT yang sederhana.

**Jadual 6** Tahap perkembangan bahasa kanak-kanak prasekolah etnik Bidayuh.

Konstruk	n	min	sp	Interpretasi skor min
Kemahiran mendengar	11	3.5065	0.54159	Tinggi
Kemahiran bertutur	11	2.9716	0.60877	Sederhana
Bahasa (keseluruhan)	11	3.2212	0.53795	Sederhana

Jadual 6 menerangkan skor min tahap perkembangan bahasa peserta etnik Bidayuh ( $n = 11$ ). Skor KD ialah min = 3.5065,  $sp = 0.54159$ . Mengikut ITSM, tahap perkembangan bahasa KD peserta adalah tinggi. Skor KT ialah min = 2.9716,  $sp = 0.60877$  dan berada pada tahap sederhana mengikut ITSM. Skor tahap perkembangan bahasa secara keseluruhan ialah min = 3.2212,  $sp = 0.53795$ . Berdasarkan ITSM, tahap perkembangan bahasa secara keseluruhan bagi peserta etnik Bidayuh adalah sederhana. Hal ini berlaku kerana pengaruh tahap KT yang sederhana.

### Tahap Tingkah Laku Sosial Kanak-kanak Prasekolah

Tahap tingkah laku sosial merujuk kepada tahap skor berasaskan kekerapan sesuatu jenis tingkah laku yang berjaya dicerap oleh pemerhati. Kajian ini membataskan tingkah laku prososial kepada tingkah laku membantu, berkongsi dan memujuk atau menenteramkan. Tingkah laku anti sosial terbatas kepada tingkah laku agresif, disruptif dan *withdrawal*. Dapatan kajian ini bukan bermaksud untuk mengkategorikan peserta sebagai prososial dan antisosial. Kajian cuba menunjukkan kecenderungan atau pola tingkah laku dalam kalangan peserta yang melibatkan hanya enam jenis tingkah laku sosial yang biasa ditemui dalam interaksi sosial mereka di bilik darjah. Skor pemerhatian dalam bentuk kekerapan telah diapiawaikan menjadi skor peratus. Skor min bagi tingkah laku prososial ialah 28.98 (rendah) dengan sisihan piawai 11.09921. Skor terendah tingkah laku prososial ialah 12.5 dan skor tertinggi ialah 50.4. Tahap tingkah laku prososial peserta mengikut etnik ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 7 menerangkan peratus skor tahap tingkah laku prososial peserta. Sebanyak empat orang (17.4%) peserta etnik Melayu (n=23) mencapai peratus skor 20.00 atau kurang yang diinterpretasikan sebagai tahap sangat rendah. Sebanyak 10 orang (43.5%) mencapai peratus skor antara 20.01 hingga 40.00 (tahap rendah), sementara sembilan orang (39.1%) mencapai peratus skor antara 40.01 hingga 60.00 (tahap sederhana). Tidak ada peserta mencapai skor melebihi 60.00. Skor terendah peserta Melayu bagi tingkah laku prososial ialah 12.9, sementara skor tertinggi ialah 50.4.

Sebanyak lima orang (35.7%) peserta etnik Iban (n=14) mencapai peratus skor 20.00 atau kurang yang diinterpretasikan sebagai tahap sangat rendah. Sebanyak sembilan orang (64.3%) mencapai peratus skor antara 20.01 hingga 40.00 (tahap rendah). Tidak ada peserta Iban mencapai skor melebihi 40.00. Skor terendah peserta Iban bagi tingkah laku prososial ialah 12.9, sementara skor tertinggi ialah 37.9. Bagi peserta etnik Bidayuh (n=11), sebanyak lima orang (45.5%) mencapai peratus skor 20.00 atau kurang yang diinterpretasikan sebagai tahap sangat rendah. Sebanyak enam orang (54.5%) mencapai peratus skor antara 20.01 hingga 40.00 (tahap rendah). Tidak ada peserta Bidayuh mencapai skor melebihi 40.00. Skor terendah etnik Bidayuh bagi tingkah laku prososial ialah 12.5, sementara skor tertinggi ialah 33.8.

**Jadual 7** Tahap tingkah laku prososial kanak-kanak prasekolah mengikut etnik.

% Skor	Etnik (%)			Jumlah (%)	Interpretasi % skor
	Melayu	Iban	Bidayuh		
0.00 – 20.00	4 (17.4)	5 (35.7)	5 (45.5)	14 (29.2)	Sangat rendah
20.01 – 40.00	10 (43.5)	9 (64.3)	6 (54.5)	25 (52.1)	Rendah
40.01 – 60.00	9 (39.1)	0	0	9 (18.7)	Sederhana
60.01 – 80.00	0	0	0	0	Tinggi
80.01 – 100.00	0	0	0	0	Sangat tinggi
n	23 (100.00)	14 (100.00)	11 (100.00)	48 (100.00)	

Skor min: 28.98

Taburan kekerapan jenis tingkah laku yang berjaya dicerap bagi tingkah prososial (membantu, berkongsi dan memujuk) ditunjukkan dalam Jadual 8.

**Jadual 8** Taburan kekerapan jenis tingkah laku prososial.

Jenis tingkah laku	N	Membantu	Berkongsi	Memujuk	Jumlah
Kekerapan ( <i>f</i> )	48	890	2244	213	3347
Peratus	100.00	26.6	67.0	6.4	100.00

Jadual 8 menerangkan kekerapan dan peratus jenis tingkah laku prososial yang berjaya dicerap dalam 12 sesi pemerhatian (240 interval) terhadap peserta ( $n=48$ ). Kehadiran tingkah laku 'membantu' telah berjaya dicerap sebanyak 890 (26.6%), tingkah laku 'berkongsi' sebanyak 2244 (67.0%) dan tingkah laku 'memujuk' sebanyak 213 (6.4%). Jumlah kekerapan keseluruhan tingkah laku prososial yang berjaya dicerap ialah 3347. Secara perbandingan, didapati tingkah laku prososial jenis 'berkongsi' mempunyai kekerapan paling tinggi berjaya dicerap dalam kalangan peserta. Tingkah laku 'memujuk' paling kurang berjaya dicerap sepanjang sesi pemerhatian dilakukan. Ini berkemungkinan peserta lebih cenderung berkongsi dalam kegiatan kumpulan berbanding dua tingkah laku prososial yang lain.

Skor min tingkah laku antisosial ialah 19.20 dengan sisihan piawai 10.11943 berbanding 28.98 bagi tingkah laku prososial. Skor terendah ialah 1.25, sementara skor tertinggi ialah 42.5. Tahap tingkah laku antisosial peserta mengikut etnik yang telah dijadikan peratus ditunjukkan dalam Jadual 4.9. Jadual 9 menerangkan peratus skor tahap tingkah laku antisosial peserta. Sebanyak 19 orang (82.6%) peserta etnik Melayu ( $n=23$ ) mencapai peratus skor 20.00 atau kurang yang diinterpretasikan sebagai tahap sangat rendah. Sebanyak tiga orang (13.0%) mencapai peratus skor antara 20.01 hingga 40.00 (tahap rendah), sementara hanya seorang (4.4%) mencapai peratus skor antara 40.01 hingga 60.00 (tahap sederhana). Tidak ada peserta mencapai skor melebihi 60.00%. Skor terendah peserta Melayu bagi tingkah laku antisosial ialah 1.25, sementara skor tertinggi ialah 42.5.

PERKEMBANGAN BAHASA DAN PERUBAHAN TINGKAH LAKU SOSIAL

**Jadual 9** Tahap tingkah laku antisosial kanak-kanak prasekolah mengikut etnik.

% Skor	Etnik (%)			Jumlah (%)	Interpretasi % skor
	Melayu	Iban	Bidayuh		
0.00 – 20.00	19 (82.6)	7 (50.0)	3 (27.3)	29 (60.4)	Sangat rendah
20.01 – 40.00	3 (13.0)	6 (42.9)	8 (72.7)	17 (35.4)	Rendah
40.01 – 60.00	1 (4.4)	1 (7.1)	0	2 (4.2)	Sederhana
60.01 – 80.00	0	0	0	0	Tinggi
80.01 – 100.00	0	0	0	0	Sangat tinggi
N	23 (100.00)	14 (100.00)	11 (100.00)	48 (100.00)	

Skor min: 19.20

Sebanyak tujuh orang (50.0%) peserta etnik Iban (n=14) mencapai peratus skor 20.00 atau kurang yang diinterpretasikan sebagai tahap sangat rendah. Sebanyak enam orang (42.9%) mencapai peratus skor antara 20.01 hingga 40.00 (tahap rendah), sementara seorang (7.1%) mencapai peratus skor antara 40.01 hingga 60.00 (tahap sederhana). Tidak ada peserta Iban mencapai skor melebihi 60.00. Skor terendah peserta Iban bagi tingkah laku antisosial ialah 7.50, sementara skor tertinggi ialah 40.4. Bagi peserta etnik Bidayuh (n=11), sebanyak tiga orang (27.3%) mencapai peratus skor 20.00 atau kurang yang diinterpretasikan sebagai tahap sangat rendah. Sebanyak lapan orang (72.7%) mencapai peratus skor antara 20.01 hingga 40.00 (tahap rendah). Tidak ada peserta Bidayuh mencapai skor melebihi 40.00. Skor terendah peserta Bidayuh bagi tingkah laku anti sosial ialah 5.00, sementara skor tertinggi ialah 37.1. Taburan kekerapan jenis tingkah laku yang berjaya dicerap bagi tingkah anti sosial (agresif, disruptif dan *withdrawal*) ditunjukkan dalam Jadual 10.

**Jadual 10** Taburan kekerapan jenis tingkah laku antisosial.

Jenis tingkah laku	n	Agresif	Disruptif	<i>Withdrawal</i>	Jumlah
Kekerapan (f)	48	405	936	872	2213
Peratus	100.00	18.3	42.3	39.4	100.00



Jadual 10 menerangkan kekerapan dan peratus jenis tingkah laku anti sosial yang berjaya dicerap dalam 12 sesi pemerhatian (240 interval) terhadap peserta. Kekerapan tingkah laku agresif yang berjaya dicerap ialah sebanyak 405 (18.3%), tingkah laku disruptif sebanyak 936 (42.3%) dan tingkah laku *withdrawal* sebanyak 872 (39.4%). Jumlah kekerapan keseluruhan tingkah laku yang berjaya dicerap ialah 2213. Secara perbandingan, didapati tingkah laku antisosial jenis disruptif mempunyai kekerapan paling tinggi berjaya dicerap dalam kalangan peserta.

Jika dibuat perbandingan berdasarkan Jadual 3 dan Jadual 10, didapati peserta cenderung menunjukkan tingkah laku prososial yang lebih tinggi, iaitu dengan kekerapan 3347 berbanding tingkah laku antisosial dengan kekerapan 2213.

## PERBINCANGAN

Kajian ini bertumpu kepada persoalan tahap perkembangan bahasa dan tingkah laku sosial kanak-kanak prasekolah Annex KPM. Pengkaji juga mengkaji hubungan faktor saiz keluarga dan status sosioekonomi keluarga dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak. Selain itu, hubungan tahap perkembangan bahasa dengan tingkah laku sosial turut dikaji. Dapatan kajian menunjukkan tahap perkembangan bahasa dalam kalangan kanak-kanak prasekolah adalah pelbagai. Ini lebih ketara apabila perbandingan mengikut kumpulan etnik dilakukan. Kanak-kanak juga didapati lebih cenderung kepada tingkah laku prososial berbanding tingkah laku antisosial. Walau bagaimanapun tingkah laku prososial 'berkongsi' dan tingkah laku antisosial 'disruptif' lebih dominan berbanding tingkah laku lain yang dikaji. Kajian ini mendapati tidak ada hubungan yang signifikan antara tahap perkembangan bahasa dengan saiz keluarga. Namun, faktor status sosioekonomi keluarga dan persekitaran sosial serta pergaulan didapati lebih berpotensi mempengaruhi tahap perkembangan bahasa kanak-kanak. Kajian ini mendapati pola tingkah laku sosial mempunyai hubungan dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak.

### Tahap Perkembangan Bahasa Kanak-kanak Prasekolah

Kajian ini mendapati bahawa tahap perkembangan bahasa kanak-kanak prasekolah secara keseluruhannya adalah tinggi dengan purata nilai min 3.5458. Tahap perkembangan bahasa kanak-kanak dari aspek KD adalah lebih tinggi (min 3.7827) berbanding aspek KT (3.3385). Dalam kalangan kanak-kanak Melayu, kajian mendapati bahawa tahap perkembangan kedua-

dua kemahiran adalah tinggi. Kanak-kanak Iban dan Bidayuh menunjukkan tahap perkembangan aspek KT yang rendah berbanding KD. Tahap perkembangan aspek KT yang rendah mempunyai kaitan dengan tahap penggunaan (pertuturan) bahasa Melayu yang rendah bagi kanak-kanak Iban dan Bidayuh. Dengan kata lain, kanak-kanak lebih menguasai kemahiran reseptif berbanding kemahiran ekspresif ketika berinteraksi menggunakan bahasa Melayu. Secara keseluruhan, tahap perkembangan bahasa kedua-dua kumpulan etnik ini adalah rendah berbanding etnik Melayu.

Kajian ini mendapati tahap perkembangan bahasa kanak-kanak mempunyai kaitan yang rapat dengan faktor latar belakang etnik dan persekitaran bahasa dalam keluarga. Kajian ini mendapati skor min tahap perkembangan bahasa dari aspek KT kanak-kanak etnik Iban dan Bidayuh adalah rendah dan ini mempengaruhi min keseluruhan tahap perkembangan bahasa mereka yang lebih rendah berbanding kanak-kanak Melayu.

Dapatan kajian ini selari dengan kajian Hafiza (2005) yang mendapati pencapaian kosa kata bahasa Inggeris dipengaruhi oleh persekitaran rumah. Keadaan yang sama berlaku terhadap perkembangan bahasa Melayu bagi kanak-kanak Iban dan Bidayuh yang masing-masing mempunyai latar belakang keluarga dan persekitaran bahasa yang tersendiri. Bagi kanak-kanak Iban dan Bidayuh, bahasa Melayu merupakan bahasa kedua yang perlu dipelajari.

Temu bual yang dilakukan terhadap empat orang peserta kajian mengesahkan pengaruh latar belakang keluarga terhadap perkembangan bahasa kanak-kanak. Penggunaan bahasa etnik sepenuhnya dalam persekitaran keluarga memberi kesan terhadap tahap perkembangan bahasa Melayu kanak-kanak bukan Melayu. Kesukaran kanak-kanak ini memberi respons secara verbal jelas menunjukkan ketidakupayaan ekspresif mereka dalam bahasa Melayu. Dengan kata lain, kanak-kanak bukan Melayu mempunyai tahap KT yang rendah kerana menghadapi masalah kekurangan kosa kata atau ketidakmampuan membina ayat untuk menyatakan pemikiran.

Walaupun faktor etnik dilihat sebagai dominan dalam menentukan tahap perkembangan bahasa Melayu kanak-kanak ini, faktor persekitaran sosial dan pergaulan di luar lingkungan etnik didapati berpotensi memberikan kesan positif terhadap perkembangan bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak Iban dan Bidayuh. Data temu bual menunjukkan bahawa kanak-kanak Iban (KK 45) mampu mencapai tahap perkembangan bahasa tertinggi kerana mempunyai kawan pelbagai etnik dan persekitaran sosial serta pergaulan yang memberi pendedahan dan peluang peng-

gunaan bahasa Melayu secara meluas. Selain itu, kehadiran individu berpendidikan dalam keluarga turut membantu perkembangan bahasa Melayu kanak-kanak, khususnya kanak-kanak bukan Melayu. Dapatan ini menyokong kajian Fiorentino dan Howe (2004) yang mendapati bahasa yang dituturkan antara kanak-kanak dengan pengasuhnya boleh menjadi petunjuk penting pencapaian di peringkat sekolah dalam aspek bahasa reseptif dan ekspresif.

Dapatan kajian ini menyokong teori perkembangan Vygotsky yang berpendapat bahawa bahasa kanak-kanak berkembang dari persekitaran sosialnya. Proses ini bermula dengan kemahiran kanak-kanak mendengar bahasa yang diucapkan dalam persekitarannya sebelum dijadikan alat berfikir dan seterusnya diberi respons dalam bentuk pertuturan atau tindakan. Perry (2003) mendapati perkembangan bahasa kanak-kanak mempunyai kaitan langsung dengan bilangan kata dan perbualan dengan orang lain. Untuk memahami hubungan antara bunyi dan objek, kanak-kanak perlu mendengar dan kemudian mengaitkan bunyi dengan apa yang dilambangkan. Dengan kata lain, kanak-kanak menguasai KD terlebih dahulu sebelum KT. Walaupun pandangan awal berpendapat kanak-kanak memperoleh bahasa secara peniruan, pengulangan dan ganjaran, kajian secara mendalam terhadap bahasa kanak-kanak mendapati kanak-kanak membina bahasanya sendiri berdasarkan interaksinya dengan persekitaran sosial (Johnson 2004).

Tahap perkembangan bahasa lisan (KD dan KT) yang tinggi sesuai dengan Model KPK yang meletakkan bahasa sebagai pusat pembelajaran (KPM 2003). Dalam Huraian KPK, kedua-dua kemahiran yang dikaji didahulukan sebelum kemahiran membaca dan menulis kerana KD dan KT merupakan kemahiran bahasa yang paling asas sebelum kemahiran lain dapat dikuasai dengan baik oleh penutur. Ini bersesuaian dengan teori awal pemerolehan bahasa kanak-kanak yang berlaku melalui peniruan, iaitu kanak-kanak mendengar pengucapan sesuatu bahasa dan kemudian menuturkan bahasa yang didengar (Brown, 2000). Malah mengikut Teori Vygotsky, kanak-kanak bukanlah penerima yang pasif. Kanak-kanak akan dibantu untuk memahami bahasa yang didengar dan menuturkan bahasa tersebut sesuai dengan konsep *ZPD*.

### **Tahap Tingkah Laku Sosial Kanak-kanak Prasekolah**

Pola tingkah laku sosial kanak-kanak ditunjukkan oleh kecenderungan yang lebih tinggi terhadap tingkah laku prososial berbanding tingkah

laku antisosial. Kajian ini mendapati 29.2% kanak-kanak menunjukkan tahap skor tingkah laku prososial yang sangat rendah, 52.1% tahap rendah dan hanya 18.7% tahap sederhana. Kesemua 18.7% kanak-kanak yang menunjukkan tahap sederhana adalah dari kumpulan etnik Melayu. Dari segi taburan skor tingkah laku prososial, didapati 67% terdiri daripada tingkah laku 'berkongsi', 26.6% 'membantu' dan 6.4% tingkah laku 'memujuk'.

Sebanyak 60.4% kanak-kanak menunjukkan tahap skor tingkah laku anti sosial yang sangat rendah, 37.5% tahap rendah dan hanya 2.1% tahap sederhana. Hanya kanak-kanak etnik Melayu menunjukkan tingkah laku antisosial tahap sederhana. Dari segi taburan skor tingkah laku antisosial, didapati 42.3% terdiri daripada tingkah laku 'disruptif', 39.4% 'withdrawal' dan 18.3% tingkah laku 'agresif'. Kekerapan tinggi tingkah laku 'berkongsi' berbanding tingkah laku yang lain menunjukkan bahawa kanak-kanak cenderung untuk berkongsi alatan dan ruang dalam melakukan aktiviti. Ini kerana dalam aktiviti kumpulan, kanak-kanak melakukan aktiviti bersama dalam kawasan yang telah ditetapkan dan dijangka menghasilkan hasil kerja secara kumpulan. Walaupun tingkah laku 'membantu' kurang ditunjukkan berbanding 'berkongsi', kehadiran tingkah laku tersebut sepanjang 12 sesi pemerhatian tingkah laku prososial adalah tekal dengan purata sekurang-kurang lima kali dalam setiap sesi pemerhatian. Kanak-kanak menunjukkan tingkah laku saling membantu apabila mereka dapat berkongsi alatan atau ruang bersama dalam aktiviti kumpulan.

Seterusnya, kajian ini mendapati kanak-kanak yang mudah berkongsi dan membantu disukai oleh kanak-kanak yang lain, sementara kanak-kanak yang cenderung kepada tingkah laku *withdrawal* lebih pendiam dan pasif dalam aktiviti kumpulan. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Yong (1991), Noraizam (1998) dan Chee Siew Lan, Nor Hashimah dan Mohd Daud (2003). Kajian Yong (1991) mendapati kanak-kanak berusia lima dan enam tahun lebih menunjukkan sikap pemurah dengan memberi peluang orang lain memiliki atau berkongsi apa yang dimilikinya. Noraizam (1998) pula mendapati sikap baik hati, boleh berkongsi dan membantu merupakan faktor utama pemilihan sahabat dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Tingkah laku suka menolong dan bertolak ansur merupakan dua sebab utama kanak-kanak disukai kawan-kawan mereka. Dapatan kajian ini juga menyokong kajian Chee Siew Lan, Nor Hashimah dan Mohd Daud (2003) yang mendapati wujud tingkah laku berkongsi dan membantu yang ketara dalam kalangan kanak-kanak prasekolah ketika aktiviti pembelajaran.

Tingkah laku sosial dalam kajian ini bukanlah tingkah laku yang ditunjukkan kerana dorongan luar berupa suruhan atau arahan. Dapatan kajian ini menunjukkan tingkah laku yang hadir secara semula jadi atau sukarela sebagai tindak balas kepada situasi dan aktiviti yang berlangsung. Walaupun Piaget berpendapat hanya kanak-kanak berumur 8 tahun ke atas yang sedar tentang niat (dorongan dalaman) dalam bertingkah laku, namun menurut Vygotsky, dengan sokongan orang dewasa (*social scaffolding*) kanak-kanak dapat diberi kesedaran tentang niat sesuatu tingkah laku. Dapatan kajian ini mengukuhkan peranan faktor sosial dalam Teori Vygotsky kerana guru tidak memberi arahan secara spesifik tentang jenis tingkah laku yang patut dan tidak patut dilakukan, sebaliknya menyedarkan kanak-kanak tentang tujuan sesuatu tingkah laku. Tingkah laku yang ditunjukkan oleh kanak-kanak lebih berupa respons spontan mereka terhadap situasi dan keperluan bersama ketika aktiviti berlangsung. Kespontanan ini turut dipengaruhi oleh kemahiran sosial sedia ada pada kanak-kanak tersebut, termasuk kemahiran interaksi sosial secara lisan

Adalah menarik untuk meneliti skor tingkah laku 'memujuk atau menenteramkan' dalam kajian ini (6.4%). Kajian ini mendapati kanak-kanak begitu seronok mengikuti aktiviti kumpulan sehingga kurang memberikan perhatian tentang perlunya memujuk atau menenteramkan rakan lain. Kajian Landers (1991) mendapati tingkah laku 'memujuk' kanak-kanak berumur tiga hingga enam tahun mempunyai kaitan dengan perkembangan empati dan bahasa. Ini adalah kerana bahasa membolehkan kanak-kanak menyatakan perasaan empati dan menunjukkan tingkah laku memujuk (menenteramkan) seseorang. Namun, bagi kajian ini walaupun tahap bahasa secara keseluruhannya dianggap tinggi, skor tingkah laku 'memujuk' adalah rendah berbanding tingkah laku 'berkongsi' dan 'membantu'. Ini bermakna ada faktor lain yang menyebabkan tingkah laku 'memujuk' kurang ditunjukkan oleh kanak-kanak dalam aktiviti berkumpulan.

Keseronokan terlibat dalam aktiviti kumpulan boleh menyebabkan kanak-kanak kurang mengambil peduli hal lain di sekitar mereka. Kemungkinan juga kanak-kanak tidak mahu membuang masa memujuk atau menenteramkan rakan yang merajuk atau marah kerana mereka sudah terbiasa dengan tingkah laku rakan tersebut. Ini mempunyai kaitan dengan skor tingkah laku *withdrawal* dalam kalangan kanak-kanak sebanyak 39.4% yang menunjukkan sememangnya ada kecenderungan untuk kanak-kanak tertentu bertingkah laku sedemikian ketika aktiviti kumpulan berlangsung. Kanak-kanak hanya menunjukkan tingkah laku 'memujuk/

menenteramkan' jika mereka yakin tindakan itu perlu untuk kelancaran aktiviti kumpulan mereka.

Taburan skor tingkah laku 'agresif' yang rendah mempunyai kaitan dengan tahap toleransi kanak-kanak yang umumnya menunjukkan kesediaan 'berkongsi' ketika aktiviti kumpulan berlangsung. Jika ada tingkah laku 'agresif' yang ditunjukkan, keadaan ini hanya berlaku kerana keinginan kanak-kanak tertentu memiliki sesuatu yang dikongsi bersama (*instrumental aggression*), tetapi tidak tahu cara menyatakan kehendak dengan bahasa yang sesuai. Biasanya tingkah laku sebegini ditunjukkan melalui tindakan merampas atau meminta secara menengking.

Tingkah laku 'agresif' yang ditunjukkan oleh kanak-kanak bukan dalam kategori mendatangkan kecederaan (*hostile aggression*). Ini menyokong kajian Landers (1991) yang mendapati kanak-kanak berumur tiga hingga enam tahun cenderung kepada tingkah laku *instrumental aggression*. Menurut Landers, sekiranya tidak dikawal, tingkah laku *instrumental aggression* boleh berubah menjadi *hostile aggression* dalam kalangan kanak-kanak berumur tiga hingga enam tahun. Justeru, guru perlu memberi perhatian terhadap kecenderungan tingkah laku ini di peringkat awal untuk mengelak tingkah laku 'agresif' yang boleh mendatangkan kecederaan atau menyakiti seseorang.

Taburan skor tingkah laku 'disruptif' yang lebih tinggi menunjukkan sifat semula jadi kanak-kanak yang suka mengusik atau mengganggu rakan lain. Kanak-kanak yang rendah tahap perkembangan bahasa Melayu didapati agak sukar mengikuti aktiviti, seterusnya cenderung menunjukkan tingkah laku 'disruptif'. Namun, adalah kurang jelas tujuan mereka mengganggu kerana tingkah laku ini tidak menunjukkan keinginan mereka untuk memiliki sesuatu atau terlibat dalam aktiviti.

## KESIMPULAN

Kajian ini mendapati tahap perkembangan bahasa Melayu peserta bagi HP 1.1.1 hingga HP 2.4.1 KPK adalah tinggi. Selain itu, tahap KD didapati lebih tinggi berbanding tahap KT. Peserta etnik Melayu menunjukkan tahap perkembangan bahasa yang pada keseluruhannya tinggi, meliputi kedua-dua aspek KD dan KT. Peserta etnik Iban dan Bidayah pula menunjukkan tahap KD yang tinggi berbanding KT (tahap sederhana). Justeru, tahap perkembangan bahasa dalam kalangan kanak-kanak etnik Melayu didapati lebih tinggi berbanding kanak-kanak bukan Melayu. Skor min menunjukkan kanak-kanak perempuan mempunyai tahap perkembangan

bahasa lebih tinggi berbanding kanak-kanak lelaki.

Dalam aspek perkembangan tingkah laku sosial, didapati peserta secara keseluruhannya lebih cenderung kepada tingkah laku prososial dalam interaksi mereka ketika aktiviti kumpulan berlangsung. Kajian secara pemerhatian mendapati, tingkah laku 'berkongsi' adalah lebih menonjol berbanding dua lagi tingkah laku prososial yang dikaji, iaitu 'membantu' dan 'memujuk'. Daripada tiga jenis tingkah laku antisosial yang dikaji, tingkah laku 'disruptif' lebih menonjol. Ini sesuai dengan kenakalan dan keaktifan kanak-kanak pada peringkat umur ini. Bagaimanapun, kecenderungan ini tidak memadai untuk mengkategorikan kanak-kanak tersebut sebagai kanak-kanak prososial atau antisosial. Ini kerana terdapat banyak tingkah laku prososial dan antisosial lain yang tidak diteliti dalam kajian ini.

Selain itu, tahap perkembangan bahasa mempunyai hubungan kuat dengan tingkah laku prososial. Kajian mendapati peserta yang mempunyai tahap perkembangan bahasa yang tinggi lebih cenderung kepada tingkah laku prososial dalam interaksi sosial mereka. Sebaliknya, tahap perkembangan bahasa menunjukkan hubungan yang negatif dengan tingkah laku antisosial. Ini menunjukkan bahawa peserta kajian ini kurang cenderung kepada tingkah laku antisosial dalam interaksi mereka. Tingkah laku antisosial mungkin dapat dikaitkan dengan kanak-kanak tertentu yang mempunyai tahap perkembangan bahasa yang lebih rendah.

Data temu bual menyokong data kuantitatif yang menunjukkan skor peserta dari aspek KD adalah lebih tinggi berbanding KT. Walaupun data kuantitatif tidak menunjukkan hubungan antara faktor saiz keluarga dengan perkembangan bahasa peserta, data kualitatif secara temu bual menerangkan kecenderungan faktor latar belakang keluarga, bahasa sehari-hari dan persekitaran pergaulan memberikan kesan terhadap perkembangan bahasa peserta. Ini mengesahkan pengaruh faktor sosial dalam perkembangan bahasa seperti mana yang dikemukakan oleh Teori Vygotsky. Faktor-faktor yang berkaitan etnik dan persekitaran keluarga ternyata memberikan kesan terhadap tahap perkembangan bahasa Melayu peserta daripada pelbagai etnik ini. Selain itu, data temu bual dapat menunjukkan keupayaan peserta dari segi penggunaan kosa kata dan binaan ayat.

## **RUJUKAN**

Alias Baba, 1997. Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Anna Christina Abdullah, 2000. "Kesan Program Menyelesaikan Masalah Sosial Kanak-Kanak Prasekolah (PSPP) ke atas Kognisi dan Tingkah Laku Prososial Kanak-kanak". Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Azizah Lebai Nordin, 2002. *Pendidikan awal kanak-kanak: Teori dan amali*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Badruzaman Abd. Hamid, 2001a. "Perkembangan Bahasa dan Intelektual Kanak-kanak" dlm. *Dewan Bahasa* 1:1, hlm. 61 – 64, 2001.
- Badruzaman Abd. Hamid. 2001b. "Perkembangan Bahasa Kanak-kanak Prasekolah" dlm. *Dewan Bahasa* 1:5, hlm. 59 – 64, 2001.
- Becker, J. dan Varelas, M., "Piaget's Early Theory of the Role of Language in Intellectual Development: A comment on DeVries's Account of Piaget's Social Theory" dlm. *Educational Researcher* 30:6, hlm. 22 – 23, 2001.
- Beitchman, J.H., Wilson, B., Johnson, C.J., Atkinson, L., Young, A. dan Adlaf, E., "Fourteen-year Follow-up of Speech/Language-impaired and Control Children: Psychiatric Outcome" dlm. *Journal of the American Academy of Child and Adolescent Psychiatry* 40, hlm. 75 – 82, 2001.
- Berk, L.E., 1992. Children private speech: An overview of theory and status of research. In. Diaz, R.M. and Berk, L.E. (eds.), *Private speech: From social interaction to self-regulation*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Bluestein, D.L., Phillips, S.D., Jobin-David, K., Finkelberg, S.L., dan Roarke, A.E., 1997. "A Theory-building investigation of the School-to-work Transition" dlm. *The Counseling Psychologist* 25, hlm. 364 – 402, 1997.
- Bogdan, R.C. dan Biklen, S.K., 1998. *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theory and Methods*. USA: Allyn and Bacon.
- Borg, W.R. and Gall, M.D., 1983. *Educational Research: An Introduction*. New York: Longman.
- Brewer, J.A., 1995. *Introduction to Early Childhood Education: Preschool through Primary Grades*. Boston: Allyn and Bacon.
- Brinton, B. and Fujiki, M., 2002. "Social Development in Children with Specific Language Development and Profound Hearing Loss" dlm. Smith, P. K. dan Hart, C. H. (ed.), *Blackwell Handbook of Childhood Social Development*. Malden, MA: Blackwell.
- Brinton, B., Fujiki, M. dan Higbee, L., "Participation in Cooperative Learning Activities by Children with Specific Language Impairment" dlm. *Journal of Speech, Language, and Hearing Research* 41, hlm. 1193 – 1206, 1998.
- Brown, H.D., 2000. *Principles of Language Learning and Teaching*. San Francisco: Longman.
- Camarata, S. M., Hughes, C. A. dan Ruhl, K. L., "Mild/Moderate Behaviorally Disordered Students: A Population at Risk for Language Disorders" dlm. *Language, Speech, and Hearing Services in Schools* 19, hlm. 191 – 200, 1988.



- Chee Siew Lan, Nor Hashimah Hashim dan Mohd Daud Hamzah, "Tingkah Laku Prososial Berkongsi dan Membantu dalam Kalangan Kanak-Kanak Cina Sebuah Tadika di Seberang Perai" dlm. *Digest Pendidikan* 3:1, hlm. 12 – 22, 2003.
- Chua Yan Piaw, 2006. *Kaedah Penyelidikan. Buku 1*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Creswell, J.W., 2005. *Educational Research*. New Jersey: Pearson Merill Prentice Hall.
- Denscombe, M., 1998. *The Good Research Guide for Small-Scale Social Research Project*. Buckingham: Open University Press.
- Dowling, M., 2005. *Young Children's Personal, Social and Emotional Development*. London: Paul Chapman Publishing.
- Eisenberg, N. (ed.), 1982. *The Development of Prosocial Behavior*. New York: Academic Press.
- Fiorentino, L. and Howe, N., "Language Competence, Narrative Ability and School Readiness in Low-income Preschool Children" dlm. *Canadian Journal of Behavioural Science* 36:4, hlm. 280 – 294, 2004.
- Fujiki, M., Brinton, B. dan Todd, C. M., "Social Skills of Children with Specific Language Impairment" dlm. *Language, Speech and Hearing Services in Schools* 27, hlm. 195 – 202, 1996.
- Fujiki, M., Brinton, B., Morgan, M. dan Hart, C.H., "Withdrawn and Sociable Behavior of Children with Language Impairment" dlm. *Language, Speech and Hearing Services in Schools* 30:4, hlm. 183 – 195, 1999.
- Gall, M.D., Gall, J.P. dan Borg, W.R., 2003. *Educational Research: An Introduction*. Boston: Allyn and Bacon.
- Gallanger, C., 1999. *Lev Semyonovich Vygotsky*. <http://www.muskingum.edu/~psych/index.htm>, 2 Mei 2006.
- Genishi, C. and Fassler, R., 1999. "Oral Language in the Early Childhood Classroom: Building on Diverse Foundations" dlm. Seefeldt, C. (ed.), *The Early Childhood Curriculum: Current Findings in Theory and Practice*. New York: Teachers College Press.
- Hafiza Sulaiman, 2006. "Pencapaian Kosa Kata Bahasa Inggeris Kanak-kanak Prasekolah". Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Hamimah Hashim, 2004. "Hubungan antara Proses Kekehuargaan dengan Penyesuaian Tingkah Laku Kanak-kanak Prasekolah". Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Hart, D., Burock, D., London, B. dan Atkins, R., 2003. "Prosocial Development, Antisocial, and Moral Development" dlm. Slater, A.M. dan Bremner, G. (ed.), *An Introduction to Developmental Psychology*. Malden, MA: Blackwell.

- Hart, K.I., Fujiki, M., Brinton, B. dan Hart, C.H., "The Relationship between Social Behavior and Severity of Language Impairment" dlm. *Journal of Speech, Language and Hearing Research* 47, hlm. 647 – 662, 2004.
- Hintze, J.M. dan Matthews, W.J., "The Generalisibility of Direct Systematic Observations across Time and Setting: A Preliminary Investigation of the Psychometrics of Behavioral Observation" dlm. *School Psychology Preview* 33:2, hlm. 258 – 270, 2004.
- Hornstein, N. dan Lightfoot, D. (ed.), 1981. *Explanation in Linguistics: The Logical Problem of Language Acquisition*. London: Longman.
- Jackson, S. L., 2003. *Research Methods and Statistics: A Critical Thinking Approach*. Sydney: Wadsworth/Thomson.
- Jamil Hj. Ahmad, 2002. "Pemupukan Budaya Penyelidikan di Kalangan Guru di Sekolah: Satu Penilaian". Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Johnson, E.W., 2004. *Educational Psychology*. Boston: Pearson Education Inc.
- Kaiser, A.P., Hancock, T.B., Cai, X., Foster, E.M. dan Hester, P.P., "Parent-report Behavior Problem and Language Delay in Boys and Girls Enrolled in Head Start Classrooms" dlm. *Behavioral Disorder* 26, hlm. 26 – 41, 2000.
- Kaiser, A.P., Cai, X., Hancock, T.B. dan Foster, E.M., 2001. *Report Behavior Problem with Children Who Attend Head Start*. Manuscript submitted for publication. Biennial Society for Research in Child Development, Minneapolis, MN.
- Kamariah Wahab, 2004. "Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Prasekolah. Satu Kajian ke atas Beberapa Prasekolah Islam". Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Karim Harun, "Pemerolehan Bahasa: Apa Lagi yang Kanak-kanak Dapat" dlm. *Dewan Bahasa* 1:8, hlm. 59 – 63, 2001.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, 2003. *Huraian Kurikulum Prasekolah Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Lee, K. dan Walsh, D.J., "Not the United Colors of Beneton: Language, Culture, and Peers" dlm. *Journal of Research in Child Education* 17:2, hlm. 201 – 216, 2003.
- Lindsay, G., 1990. "Pre-school Children with Special Needs" dlm. Entwistle, N. (ed.), *Handbook of Educational Ideas and Practices*. London: Routledge.
- Maag, J.W., 2004. *Behavior Management: From Theoretical Implications to Practical Applications*. Belmont, CA: Thomson.
- Maxim, G.W., 1997. *The Very Young*. New Jersey: Pearson Education.
- Mertens, D.M. dan McLaughlin, J.A., 2004. *Research and Evaluation Methods in Special Education*. Thousand Oaks, California: SAGE Publications.
- Mohd. Majid Konting, 2005. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nakamura, K., "Gender and Language in Japanese Preschool Children" dlm.

- Research on Language and Sosial Interaction* 34:1, hlm. 15 – 43, 2001.
- Nathesan, "Pemerolehan Perbendaharaan Kata di Kalangan Murid Tahun Empat: Satu Tinjauan" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 44:1, hlm. 28 – 37, 2000.
- Nelavathi a/p Suppiah, 2004. "*Penglibatan Ibu Bapa dalam Pendidikan Prasekolah. Tinjauan Amalan di Tadika Agensi Kerajaan Daerah Seremban Barat*". Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Nor Anum Mohd. Rathi, 2003. "*An Investigation of the Relationship between Personality and Student's Language Learning Strategies: A Case Study*". Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Noor Azmira Mohamed, 2001. "*Pemerolehan dan Penguasaan Bahasa di Kalangan Kanak-kanak*". Tesis Sarjana. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Noraizam Brahim, 1998. "*Faktor Pemilihan dan Pola Persahabatan Kanak-kanak Prasekolah*". Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Ostrov, J.M., Gentile, G.A. dan Crick, N.R., 2005. *Media Exposure, Aggression and Prosocial Behavior during Early Childhood: A Longitudinal Study*. NIMF, Minneapolis: t.pt.
- Patricia, S.H., 2001. "*The Relationship between Receptive Language Skills and School Readiness*". Master Thesis. Marshall University, Virginia. Digital Dissertations, UMI ProQuest.
- Perry, B.D., "Preschool Education, Language Acquisition, Speaking, Child Development" dlm. *Scholastic Early Childhood Today* 17:5, hlm. 18, 2003.
- Puteri Roslina Abdul Wahid, "Peluasan Hipotesis Skinner dalam Kajian Pemerolehan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua oleh Kanak-kanak Prasekolah" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 43:12, hlm. 1108 – 1122, 1999.
- Qi, C.H. dan Kaiser, A.P., "Problem Behaviors of Low Income Children with Language Delays: An Observation Study" dlm. *Journal of Speech, Language, and Hearing* 47, hlm. 595 – 610, 2004.
- Rohani Abdullah, 2001. *Perkembangan Kanak-kanak: Penilaian secara Portfolio*. Serdang: Penerbitan Universiti Putra Malaysia.
- Rohani Abdullah dan Nani Menon, 2003. "Bahasa, Kemahiran Berkomunikasi dan Literasi Awal" dlm. Rohani Abdullah, Nani Menon dan Mohd Shahrani Ahmad (ed.), *Panduan Kurikulum Prasekolah*. Bentong, Pahang: PTS Publications and Distributors Sdn Bhd.
- Rohaty Mohd. Mazjub dan Abu Bakar Nordin, 1989. *Pendidikan Prasekolah*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Roselan Baki, "Interaksi Lisan: Alat Penguasaan Kemahiran Berbahasa yang Terabai. *Dewan Bahasa* 44:2, hlm. 157 – 187, 2000.
- Rusleeda Awang, 2005. "*Hubungan Penglibatan Ibu Bapa dengan Pencapaian*

- Kanak-kanak Prasekolah dalam Kemahiran Asas Membaca*". Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Santrock, J.W., 2004. *Child Development*. Boston: Mc Graw Hill.
- Staub, E., 1979. *Positive Social Behavior and Morality: Socialization and Development*. Vol.2. New York: Academic Press.
- Tay Meng Giat, "Pemerolehan Bahasa Kanak-kanak dari Segi Sintaksis: Satu Analisis" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 44:2, hlm. 228 – 233, 2000.
- Thomas, N. (ed.), *An Introduction to Early Childhood Studies*. London: SAGE Publications.
- Thomas, T.M., 2003. *Blending Qualitative and Quantitative Research Methods in Theses and Dissertations*. California: Corwin Press Inc.
- Vijayaletchumy a/p Subramaniam, "Masalah Penguasaan Kata Nama di Kalangan Kanak-kanak Prasekolah" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 44:1, hlm. 50 – 64, 2000.
- Watkins, R.V. dan Johnson, B.W., "Language abilities in children who Stutter: Toward Improved Research and Clinical Applications" dlm. *Language, Speech and Hearing Service in School* 35:1, hlm. 82 – 89, 2004.
- Wierma, W., 2000. *Research Methods in Education: An Introduction*. Boston: Ally and Bacon.
- Yin, R.K., 1994. *Case Study Research: Design and Methods*. Thousand Oaks: SAGE Publications.
- Yong, L., 1991. "Socio-emotional Development of Preschool Children" dlm. Chiam Heng Keng (ed.), *Proceeding of The Conference on Children – Our Future*, hlm. 179-191.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2000. "Penggunaan Bahasa dalam Pertuturan Kanak-kanak Melayu: Satu Analisis Pragmatik". Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Zamri Mahamod, 2004. "Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Melayu Sekolah Menengah". Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Zirpoli, T.J., 2005. *Behavior Management: Applications for Teachers*. New Jersey: Pearson Merrill Prentice Hall.
- Zulkifley Hamid, 2001. *Psikolinguistik dan Pendidikan Bahasa*. Bangi: Penerbitan UKM.